Kerajaan Persekutuan telah meluluskan geran peruntukan sejumlah RM183,350,000 bagi tahun kewangan 2014 iaitu peningkatan sebanyak 5 peratus (2013:RM174,351,568). Daripada jumlah tersebut, RM169,100,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Mengurus (KWM) dan RM14,250,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan (KWP). Faktor utama peningkatan geran peruntukan adalah disebabkan oleh peningkatan penerimaan geran Mengurus sebanyak RM9,376,232 iaitu sebanyak 6 peratus. Pecahan peruntukan yang diterima dalam tahun semasa berbanding tahun sebelumnya adalah seperti di **Jadual 1**.

ALLOCATION OF GRANT

*The Federal Government had approved a grant allocation of RM 183,350,000 for the financial year 2014, an increase of 5 percent compared to 2013 of RM174,351,568. Of this amount RM169,100,000 allocation was for Operating Expenditure (KWM) and RM14,250,000 was allocation under the Development Fund (KWP). The main factor for the increase was the increase in the receipt of Operating Expenditure Grant amounting to RM9,376,232 which was an increase of 6 percent. Grant allocation received for the last three years are shown in **Table 1**.*

Jadual 1 : Geran Peruntukan Bagi Tiga Tahun (2012, 2013 dan 2014)
Table 1 : Grant Allocation of Three Years (2012, 2013 and 2014)

TAHUN *YEAR*	GERAN PERUNTUKAN *GRANT ALLOCATION*	
	KUMPULAN WANG MENGURUS *OPERATING* (RM)	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN *DEVELOPMENT* (RM)
2012	143,912,305	5,689,100
2013	159,723,768	14,627,800
2014	169,100,000	14,250,000

PERUNTUKAN KHAS

Lembaga dari semasa ke semasa dalam tahun 2014 telah menerima peruntukan khas dari beberapa Kementerian dan Agensi lain sebanyak RM146,740,691.80 iaitu pengurangan 31 peratus dari tahun 2013 iaitu sebanyak RM211,144,919.32.

SPECIAL GRANT ALLOCATION

FAMA had received from time to time in 2014 special grant allocations from other Ministries and Agencies amounting to RM146,740,691.80 which was a 31 percent decrease from the amount received in the year 2013 which amounted to RM211,144,919.32.

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN

Peruntukan Mengurus

Peruntukan Mengurus yang telah diluluskan bagi tahun 2014 berjumlah RM169,100,000. Daripada jumlah tersebut, RM166,600,00 adalah peruntukan asal manakala baki peruntukan sebanyak RM2,500,000 adalah tambahan peruntukan bagi emolumen. Prestasi perbelanjaan pula berjumlah RM165,763,904 (termasuk tanggungan) iaitu 98.04 peratus daripada jumlah peruntukan tersebut. Perincian prestasi perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2014 seperti di **Jadual 2** manakala perbandingan prestasi perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 seperti di **Rajah 1**.

EXPENDITURE PERFORMANCE

Operating Allocation

*The Operating Allocation that was approved in 2014 amounted to RM169,100,000. From the said amount, RM166,600,000 was the original allocation whereas the balance amounting to RM2,500,000 was an additional allocation for emolument. The expenditure performance at RM165,763,904 (including liabilities) was 98.04 percent of the total allocation. Performance details of the Operating Grant Allocation the year 2014 is as shown in **Table 2** and the performace comparison for the expenditure of the Operating Grant Allocation for the years 2012, 2013 and 2014 are shown in **Figure 1**.*

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2014
Table 2 : Expenditure Performance of Operating Grant Allocation for Year 2014

PERUNTUKAN *ALLOCATION*	GERAN *GRANT* (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA *ALLOCATION RECEIVED* (RM)	%
Mengurus 2014 *Operating 2014*	169,100,000	169,100,000	100
PERPELANJAAN *EXPENDITURE*	**GERAN *GRANT* (RM)**	**PERBELANJAAN *EXPENDITURE* (RM)**	**%**
1. Emolumen *Emolument*	112,280,000	111,069,292	99
2. Perkhidmatan dan Bekalan *Services & Supplies*	46,858,264	45,240,790	97
3. Bayaran Lain *Other Payments*	4,259,000	4,240,849	98
4. Pemberian Dalam Negeri *Domestic Contribution*	400,000	-	-
5. Gantian Cuti Rehat *Payments in lieu of Leave*	1,100,000	1,073,879	98
6. Harta Modal *Capital Assets*	4,202,736	4,139,094	98
JUMLAH / *TOTAL*	**169,100,000**	**165,763,904**	**98**

Rajah 1 : Perbandingan Prestasi Perbelanjan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2012, 2013 dan 2014
Diagram 1 : Performance Comparison for the Expenditure of Operating Grant Allocation Year 2012, 2013 and 2014

Peruntukan Pembangunan

Pada tahun 2014, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM14,250,000. Perbandingan prestasi perbelanjaan Peruntukan Pembangunan bagi Tahun 2012, 2013 dan 2014 seperti di **Rajah 2**.

Development Allocation

*In 2014 the total allocation approved amounted to RM14,250,000. The Expenditure Performance for the Development Allocation for the Year 2012, 2013 and 2014 shown as in **Diagram 2**.*



Rajah 2 : Prestasi Perbelanjan Geran Pembangunan bagi Tahun 2012, 2013 dan 2014
Diagram 2 : Expenditure Performance of Development Grant Year 2012, 2013, and 2014

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Punca Kewangan

Lembaga telah menerima geran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM183,350,000. Daripada jumlah tersebut, RM169,100,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Mengurus (KWM) dan RM14,250,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan (KWP).

Terimaan dan Lebihan/Kurangan Pendapatan atas Perbelanjaan

Pendapatan Lembaga yang dilaporkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM321.66 juta iaitu merangkumi 62 peratus peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, 29 peratus hasil jualan Akaun Khidmat Pemasaran, 4 peratus syarikat subsidiari dan 5 peratus lain-lain pendapatan seperti di **Rajah 3**.

Secara keseluruhannya, pendapatan didapati meningkat sebanyak 8 peratus berbanding tahun sebelumnya (2013:RM297.31 juta). Faktor utama peningkatan pendapatan adalah disebabkan oleh peningkatan penerimaan Geran Mengurus sebanyak 6 peratus (RM9.38 juta). Selain itu, syarikat subsidiari juga menunjukkan peningkatan pendapatan sebanyak 10 peratus iaitu RM1.23 juta.

ANALYSIS OF FINANCIAL PERFORMANCE

Source of Fund

FAMA received grant allocation from the Federal Government which amounted to RM 183,350,000. From this amount, Operating Budget Allocation (KWM) amounted to RM 169,100,000 and Development Budget Allocation (KWP) amounted to RM 14,250,000.

Receipts and Surplus/Deficit Income upon Expenditure

*The total income of FAMA reported for the year ending 31 December 2014 amounted to RM321.66 million consisting of 62 percent from Federal Government allocation, 29 percent from sales revenue in the Marketing Services Account, 5 percent from subsidiary companies and 5 percent other incomes as shown in **Diagram 3**.*

On the whole, income had increased 8 percent compared to the previous year (2013:RM297.31 million). The main factor leading to this increase in income was the increase of 6 percent (RM9.38 million) grant received for operating allocation. The subsidiaries too showed increase in revenue of 10 percent amounting to RM1.23 million.



Rajah 3 : Agihan Pendapatan Lembaga bagi Tahun 2014
Diagram 3 : Income Distribution FAMA for the Year 2014

LAPORAN PRESTASI FAMA TAHUN 2014

FAMA PERFORMANCE REPORT YEAR 2014

PEMBANGUNAN PEMASARAN PRODUK SEGAR
FRESH PRODUCE MARKETING DEVELOPMENT

PEMASARAN BUAH-BUAHAN

Pada tahun 2014, nilai urusniaga bagi buah-buahan yang direkodkan adalah sebanyak RM20 juta iaitu peningkatan sebanyak 10 peratus berbanding RM18.17 juta pada tahun 2013. Inisiatif mempelbagaikan saluran pemasaran oleh FAMA menyumbang kepada peningkatan nilai urusniaga. Perbandingan nilai jualan buah-buahan yang dipasarkan mengikut Wilayah adalah seperti di **Jadual 3**.

MARKETING OF FRUITS

*In the year 2014, the recorded value in trading of fruits amounted to RM20 million compared to RM18.17 million in 2013, an increase of 10 percent. The initiatives taken by FAMA to diversify marketing channels contributed to the increase in trade. The comparison in sales value of fruits marketed by Region is as shown in **Table 3**.*

Jadual 3 : Perbandingan Nilai Jualan (RM) Buah-Buahan Mengikut Negeri/Wilayah bagi Tahun 2013 dan 2014
Table 3 : *Comparison of the Sales Value (RM) of Fruits by State/Region for 2013 and 2014*

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	TAHUN *YEAR*		PERATUS PERBEZAAN *DIFFERENCE* (%)
		2013	2014	
1.	Johor *Johore*	1,730,737	2,276,275	31.52
2.	Negeri Sembilan dan Melaka *Negeri Sembilan and Malacca*	1,188,881	1,064,436	(10.47)
3.	Tengah (Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Cameron Highland) *Central (Federal Territory, Selangor, Perak, Cameron Highland)*	6,826,226	8,029,633	17.63
4.	Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang) *North (Perlis, Kedah, Penang)*	2,305,768	1,788,495	(22.43)
5.	Kelantan *Kelantan*	1,170,367	1,406,548	20.18
6.	Pahang *Pahang*	2,178,329	3,237,248	48.61
7.	Terengganu *Terengganu*	688,538	570,386	(17.16)
8.	Sabah *Sabah*	1,531,599	1,294,143	(15.50)
9.	Sarawak *Sarawak*	556,555	365,033	(34.41)
	JUMLAH / *TOTAL*	**18,177,001**	**20,032,195**	**10.21**

PEMASARAN BUAH-BUAHAN BERMUSIM

Pengeluaran buah-buahan bermusim utama iaitu durian menunjukkan peningkatan sebanyak 75 peratus iaitu 72,480 tan metrik berbanding 41,473 tan metrik pada tahun 2013. Tren pengeluaran buah-buahan bermusim lain seperti manggis, rambutan, duku/dokong dan cempedak pula mencatatkan penurunan kepada 20,172 tan metrik berbanding 43,008 tan metrik pada tahun 2013.

Pengeluaran buah-buahan bermusim menunjukkan berlakunya dua fasa pengeluaran utama iaitu fasa pertama adalah pada Jun hingga September dan fasa kedua atau luar musim kebiasaan pada November hingga Februari. FAMA juga telah mengatur pelbagai saluran pemasaran bagi membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka. Di samping itu, FAMA juga membuat jualan kepada pemborong, pasaraya seperti Giant, Mydin, The Store, Aeon dan outlet jualan runcit. Sepanjang tahun 2014, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh FAMA antaranya:-

MARKETING OF SEASONAL FRUITS

The production of durian the major seasonal fruit increased by 75 percent to 72,480 tonnes compared to 41,473 tonnes in 2013. The trend in the production of other seasonal fruits such as mangosteen, rambutan, duku/dokong and cempedak recorded declines to 20,172 tonnes compared to 43,008 tonnes in 2013.

Production of seasonal fruits displayed two major production phases i.e. during the first phase from June to September and the second phase outside the normal season from Novenber to February. FAMA had organized various marketing arrangements to assist farmers to market their products. At the same time FAMA had organized sales to wholesalers, hypermarkets such as Giant, Mydin, The Store, Aeon and retail outlets. Throughout the year 2014, various activities were implemented by FAMA and among them are:-

1) Program *Durian Party*

Program *Durian Party* terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengguna sejak diperkenalkan pada tahun 2009. Pada tahun ini, FAMA telah melaksanakan sebanyak 50 program *Durian Party* di seluruh negara.

1) Durian Party

This programme continued to garner extraordinary support from consumers since introduced in the year 2009. In the year 2014 FAMA had organized 50 Durian Parties in the whole country.

Program *Durian Party* Astro di Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC) pada Jun 2014
Astro Durian Party at Kuala Lumpur Golf & Country Club (KLGCC) June 2014

Durian Party di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada Ogos 2014
Durian Party at the Kuala Lumpur Stock Exchange (BSKL) in June 2014

2) Fiesta Jualan

FAMA telah menjayakan beberapa program fiesta jualan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2014. Antara program yang diadakan adalah seperti:-

i) D'Agri Ekspo di *Putra World Trade Centre* (PWTC) Kuala Lumpur
ii) Pesta Mangga di Menara Kuala Lumpur
iii) Pesta Floria di Putrajaya
iv) *Malaysia Fresh Fruit Fiesta* (M3F) di Changi, Singapura
v) Karnival Industri Asas Tani di RTC Kota Bharu, Kelantan
vi) HPPN Peringkat Negeri Kedah
vii) *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di Medan Mara Kuala Lumpur
viii) Jom Makan Buah di Taman Warisan, Putrajaya
ix) *Malaysia Agriculture Horticulture and Agrotourism* (MAHA) 2014

Melalui pendekatan ini, FAMA telah memasarkan buah-buahan segar tempatan dan hasil pertanian terus dari ladang dengan memberi pulangan yang menarik kepada petani dan pada masa yang sama menawarkan harga yang berpatutan kepada pengguna.

2) Sale Fiestas

In 2014, FAMA had successfully implemented various programmes at the state, national and international levels. Among the programmes carried out include:-

i) Expo D'Agri at Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur
ii) Mango Festival at Kuala Lumpur Tower
iii) Floria Carnival Putrajaya
iv) Malaysia Fresh Fruit Fiesta (M3F) at Changi, Singapore
v) Agro-Based Industry Carnival at RTC Kota Bharu, Kelantan
vi) Farmers Day Kedah
vii) National Blue Ocean Strategy (NBOS) at Medan MARA Kuala Lumpur
viii) Let's Eat Fruits Outing at Taman Warisan Putrajaya
ix) Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Shown (MAHA) 2014

Through this approach FAMA succeeded in marketing local fresh fruits and agriculture produce direct from the farm providing attractive returns to farmers and reasonable prices to consumers.

Program D'Agri Ekspo di PWTC pada Februari 2014
Expo D'Agri at PWTC in February 2014

Program NBOS di Medan Mara Kuala Lumpur pada November 2014
NBOS Programme at Medan MARA Kuala Lumpur in November 2014

HPPN Peringkat Negeri Kedah pada Oktober 2014
State Level Farmers Day, Kedah in October 2014

PROGRAM JUALAN TERUS FAMA – JIMAT BELANJA DAPUR (JBD) 2014

Program Jualan Terus FAMA "Jimat Belanja Dapur" merupakan salah satu inisiatif FAMA bagi menangani kos sara hidup rakyat. Program ini melibatkan 54 buah lokasi Pasar Tani terpilih di seluruh negara merangkumi 21 komoditi seperti di **Jadual 4** dan **Jadual 5**.

FAMA DIRECT SELLING PROGRAMME - SAVE KITCHEN EXPENSES (JBD) 2014

*The Direct Selling Programme "Save Kitchen Expenses" is one of the initiatives undertaken by FAMA to moderate the effects of rising cost of living faced by the people. This Programme involved 54 selected Pasar Tani locations throughout the country covering 21 commodities as shown in **Table 4** and **Table 5**.*

Jadual 4 : Senarai 21 Komoditi Terpilih di bawah Program Jimat Belanja Dapur Pada Tahun 2014
Table 4 : List of Selected Commodities under the Save Kitchen Expenses Programme For the Year 2014

KATEGORI *CATEGORY*	KOMODITI *COMMODITY*	JUMLAH *TOTAL*
Sayur-sayuran *Vegetables*	Kacang bendi, cili merah, cili padi, halia tua, kacang panjang, lobak merah, kubis bulat, sawi, timun, tomato, labu dan terung *Okra, Red Chilli, Bird's Eye Chilli, Old Ginger, Long Beans, Carrot, Round Cabbage, Spinach, Cucumber, Tomatoes, Squash and Brinjals*	12
Buah-buahan *Fruits*	Nanas, pisang, tembikai merah dan betik *Pineapple, Banana, Red Water Melon and Papaya*	4
Tanaman Pelbagai *Other Crops*	Bawang besar, Bawang merah rose, kelapa tua dan ubi kentang *Big Red Onion, Rose Red Onion, Old Coconut and Potatoe*	4
Ternakan *Livestock*	Ayam *Fowl*	1

Jadual 5 : Pecahan Pasar Tani Terpilih Mengikut Negeri
Table 5 : Breakdown of Selected Pasar Tani by State

NEGERI *STATE*	BILANGAN PASAR TANI *NUMBER OF PASAR TANI*	BILANGAN HARI OPERASI *NUMBER OF OPERATIONAL DAYS*
Perlis *Perlis*	1	2
Kedah *Kedah*	3	3
Pulau Pinang *Penang*	2	2
Perak *Perak*	8	8
Wilayah Persekutuan *Federal Territory*	2	3
Selangor *Selangor*	9	9
Kelantan *Kelantan*	3	3
Pahang *Pahang*	4	4
Terengganu *Terengganu*	3	4
Johor *Johore*	8	8
Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	5	5
Melaka *Malacca*	2	2
Sabah *Sabah*	1	1
Sarawak *Sarawak*	3	5
JUMLAH KESELURUHAN / *GRAND TOTAL*	**54**	**59**

PENGEKSPORTAN DURIAN SEJUK BEKU

Pengeksportan durian sejuk beku dalam bentuk pulp dan pes ke Republik Rakyat China melalui Pusat Pemprosesan FAMA dan pihak swasta adalah sebanyak 220 tan metrik pada tahun 2014. Beberapa program yang disertai oleh FAMA dan syarikat swasta untuk mempromosi durian sejuk beku di China adalah seperti *Asia Food Logistica, Hong Kong, Malaysian Week, Xi'an* dan *18th Investment and Trade Forum for Cooperation, Xi'an*. Senarai Pusat Pemprosesan Durian yang telah mendapat pengiktirafan AQSIQ China pada tahun 2014 seperti di **Jadual 6**.

EXPORT OF FROZEN DURIAN

*In 2014 FAMA through the FAMA Processing Centre and the private sector succeeded in exporting 220 tonnes frozen durian in the form of pulp and paste to the People's Republic of China. FAMA together with the private companies had participated in various programmes to promote frozen durian in China such as, the Asia Food Logistica Hong Kong, Malaysian Week, Xi'an. The List of Durian Processing Centres that had been certified by AQSIQ China in 2014 is as shown in **Table 6**.*

Jadual 6 : Senarai Pusat Pemprosesan Durian Yang Telah Mendapat Pengiktirafan AQSIQ China
Table 6: The List of Durian Processing Centres Certified by AQSIQ (The General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine), China

BIL. *NO.*	SENARAI PENGEKSPORT *LIST OF EXPORTERS*
1.	FAMA Batu Kurau *FAMA Batu Kurau*
2.	AMC Jerantut *AMC Jerantut*
3.	Hernan Corporation Sdn. Bhd. *Hernan Corporation Sdn. Bhd.*
4.	Top Fruits Sdn. Bhd *Top Fruits Sdn. Bhd*
5.	ARTM Services Sdn Bhd *ARTM Services Sdn Bhd*
6.	Lee Moon Sdn Bhd *Lee Moon Sdn Bhd*
7.	Desaria Food Sdn Bhd *Desaria Food Sdn Bhd*
8.	Dulai Fruits Enterprise *Dulai Fruits Enterprise*
9.	Mikuni Biotech & Life Science (M) Sdn Bhd *Mikuni Biotech & Life Science (M) Sdn Bhd*

Program Asia Food Logistica 2014, Hong Kong
Programme Asia Food Logistica 2014, Hong Kong

Aktiviti Pemasaran Buah-Buahan Tempatan oleh FAMA
Marketing Activities of Local Fruits by FAMA

PEMASARAN SAYUR-SAYURAN

Nilai urusniaga sayur-sayuran yang direkodkan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM16 juta. Antara sayur-sayuran utama yang dipasarkan seperti kubis, tomato, timun, cili, terung, kacang bendi dan labu.

MARKETING OF VEGETABLES

In 2014 the value of vegetables traded as recorded was RM16 million. Among the main vegetables marketed were cabbage, tomatoes, cucumber, chlli, brinjal, okra and squash.

Pada penghujung tahun 2014, beberapa negeri di Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Johor telah dilanda bencana banjir. Sehubungan itu, FAMA telah mengedarkan bahan makanan termasuk sayur-sayuran kepada lokasi-lokasi penempatan mangsa yang terjejas. Selain itu, FAMA turut melancarkan program Jualan Khas Pasca Banjir bagi menangani kenaikan harga sayur-sayuran di negeri yang terjejas bagi mengurangkan beban rakyat. Jualan ini telah dilaksanakan di pejabat-pejabat FAMA dan Pasar Tani bagi menyediakan keperluan makanan kepada pengguna dengan harga yang berpatutan. Harga jualan semasa program ini ditetapkan antara 5 peratus hingga 50 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran bagi membantu mengurangkan beban pengguna.

At the end of the year 2014 floods had hit the states of Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah and Johore. In those badly hit areas, FAMA had distributed food products including vegetables to the affected flood victims in the evacuation centres. Further to that, FAMA had also launched Special Post-Flood Sales to help overcome the rise in vegetable prices in the flood affected states with the view of reducing the burden faced by the people. The sales were held at the State FAMA Offices and Pasar Tani which made available essential food items to consumers at resonable prices. The prices offered were 5 percent to 50 percent below the prevailing market prices.

Aktiviti Jualan Pasca Banjir
Post-Flood Sales Activity

PEMBANGUNAN DAN PEMASARAN FLORIKULTUR DAN LANDSKAP

Unit Florikultur dan Landskap FAMA bertanggungjawab dalam menjalankan urusniaga jualan anak pokok, bunga-bungaan, herba, baja, pasu, tanah serta hiasan landskap seperti hiasan pentas dan rekaan taman. Dalam mempromosikan dan meningkatkan jualan, beberapa beberapa program telah disertai antaranya:-

1) Jualan Harian Borong dan Runcit di Pusat Jualan
2) Karnival Flora dan Orkid
3) Program "Road to MAHA"
4) Karnival "BERTANI SATU IBADAH"
5) Program Expotani
6) Majlis Pelancaran Kembara Merdeka Jalur Gemilang
7) Jualan Karnival Buah-buahan dan industri asas tani
8) Karnival IAT 2014
9) Program `I want` Peringkat Pejabat Kesihatan Kota Bharu
10) Jualan Pembukaan Pasar Tani, Gua Musang
11) MAHA 2014
12) Floria 2014

Pada tahun 2014, nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM1.11 juta (2013:RM1.46 juta) seperti di **Jadual 7**. Empat pusat jualan Unit Florikultur dan Landskap adalah:-

1) Pusat Jualan Florikultur dan Landskap RTC Kelantan
2) Pusat Jualan Florikultur dan Landskap Labu, Seremban
3) Pusat Jualan Florikultur dan Landskap RTC Perak
4) Pusat Jualan Florikultur dan Landskap Parit Raja, Johor

DEVELOPMENT AND MARKETING OF FLORICULTURE AND LANDSCAPE

The Floriculture and Landscape Unit in FAMA is responsible in carrying out trading in saplings, flowers, herbs, fertilizers, flower pots as well as ornamental landscape such as stage decorations and garden design. In the effort to promote and increase sales FAMA had participated in various programmes such as:-

1) Retail/Wholesale Sales at Floriculture Centre
2) Flora and Orchid Carnival
3) 'Road to MAHA' Programme
4) Carnival "BERTANI SATU IBADAH"
5) Agro Expo Programme
6) Launching Ceremony of 'Kembara Merdeka Jalur Gemilang'
7) Fruits and Agro-Based Industry Products Carnival Sales
8) IAT Carnival 2014
9) 'I Want' Programme at the Kota Bharu Health Office
10) Sales at the Launching of Pasar Tani Gua Musang
11) MAHA 2014
12) Floria 2014

*In 2014, the recorded value of sales amounted to RM1.11 million (2013:RM1.46 million) as shown in **Table 7**. The 4 Floriculture and Landscape Sales Centres are:-*

1) Floriculture and Landscape Sales Centre RTC Kelantan
2) Floriculture and Landscape Sales Centre Labu, Seremban
3) Floriculture and Landscape Sales Centre RTC Perak
4) Floriculture and Landscape Sales Centre Parit Raja, Johore

Jadual 7 : Perbandingan Nilai Jualan (RM) Florikultur dan Landskap Mengikut Negeri Bagi Tahun 2013 dan 2014
Table 7 : Comparison of Floriculture and Landscape Sales Value (RM) By State for Year 2013 and Year 2014

NEGERI *STATE*	TAHUN *YEAR*	
	2013	2014
Johor *Johore*	89,697	47,385
Negeri Sembilan dan Melaka *Negeri Sembilan and Malacca*	415,553	467,780
Perak *Perak*	149,706	144,374
Kelantan *Kelantan*	809,679	455,117
JUMLAH / *TOTAL*	**1,464,635**	**1,114,656**

Hiasan landskap di pentas khemah segar MAHA 2014
Landscape Decoration at the Fresh Produce Stage in MAHA 2014

Hiasan landskap di perkarangan Seri Pentas sempena Program Herbasia 2014
Landscape Decoration at Sri Pentas in Conjunction with Herbasi Programme 2014

Jualan Ekspo Floria, Putrajaya
Sales at Expo Floria, Putrajaya

PEMBANGUNAN DAN PEMASARAN TANAMAN PELBAGAI

Urusniaga komoditi tanaman pelbagai yang direkodkan pada tahun 2014 adalah sebanyak RM11.77 juta (2013:RM13.7 juta) seperti di **Jadual 8**. Antara komoditi lain yang turut diurusniagakan di bawah komoditi tanaman pelbagai adalah tebu, roselle, jagung, ubi keledek dan ubi kayu.

DEVELOPMENT AND MARKETING OF VARIOUS CROPS

*In 2014, trading under the various commodity crops category had recorded sales value of RM11.77 million (2013:RM13.7 million) as in **Table 8**. Among the other crops traded under this category were sugarcane, roselle, maize, sweet potato and tapioca.*

Jadual 8 : Perbandingan Prestasi Jualan Komoditi Tanaman Pelbagai Mengikut Wilayah / Negeri bagi Tahun 2013 dan 2014
Table 8 : Comparison in Sales Performance Year 2013 and 2014 by Region / State

WILAYAH/NEGERI *STATE*	NILAI JUALAN *SALES VALUE* (RM)	
	2013	2014
Utara (Perlis, Kedah,Pulau Pinang) *North (Perlis, Kedah, Penang)*	948,118	840,858
Tengah (Wilayah, Selangor, Perak, Cameron Highland) *Central (Federal Territory, Selangor, Perak, Cameron Highland)*	236,756	1,075,279
Negeri Sembilan dan Melaka *Negeri Sembilan and Malacca*	2,058,752	1,513,589
Johor *Johore*	9,616,812	7,597,563
Pahang *Pahang*	299,372	321,838
Kelantan *Kelantan*	21,947	31,487
Terengganu *Terengganu*	95,485	58,289
Sabah *Sabah*	183,038	101,108
Sarawak *Sarawak*	243,156	226,837
JUMLAH / *TOTAL*	**13,703,436**	**11,766,848**

Dari segi sumbangan kepada pencapaian sasaran berdasarkan nilai jualan, komoditi kelapa merupakan komoditi utama iaitu menyumbang kira-kira 90 peratus daripada pencapaian 2014 diikuti komoditi jagung (3.5 peratus), roselle (3.4 peratus) dan tebu (3.0 peratus). Sebanyak RM5.3 juta atau 38.52 peratus daripada keseluruhan nilai urusniaga adalah disumbangkan oleh *Forward Agreement* ladang kontrak seperti di **Jadual 9**. Komoditi seperti tebu, jagung manis dan keledek merupakan komoditi yang terlibat dalam *Forward Agreement* ladang kontrak. Harga purata bagi beberapa komoditi terpilih adalah seperti di **Jadual 10**.

*In terms of the contribution in achieving the target set, coconut was the main commodity that contributed about 90 percent of the achievement in 2014 followed by maize (3.5 percent), roselle (3.4 percent) and sugar cane (3.0 percent). A total of RM5.3 million or 38.52 percent from the total value of the transaction was contributed by the contract farming Forward Agreement as shown in **Table 9**. Commodities such as sugar cane, sweet corn and sweet potato were commodities involved in contract farming Forward Ageement. Average prices for a few selected commodities are shown in **Table 10**.*

Jadual 9 : Jumlah *Forward Agreement* (FA) dan Nilai Jualan bagi Komoditi Tanaman Pelbagai Pada Tahun 2014
Table 9 : Total Forward Agreements (FA) and Sales Value for Various Crops in the Year 2014

NEGERI *STATE*	BILANGAN *FORWARD AGREEMENT* *NO. OF FORWARD AGREEMENT*	BILANGAN PETANI *NO. OF FARMERS*	KUANTITI (TAN METRIK) *QUANTITY (TONNES)*	NILAI JUALAN *SALES VALUE* (RM)
Perlis *Perlis*	24	24	120	216,000.00
Kedah *Kedah*	45	45	30	71,535.80
Pulau Pinang *Penang*	24	24	55	61,285.40
Perak *Perak*	38	38	951	1,142,225.00
Selangor *Selangor*	38	41	443	987,450.00
Melaka *Malacca*	17	17	27	41,960.00
Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	22	18	231	410,900.00
Johor *Johore*	9	17	504	404,500.00
Pahang *Pahang*	36	36	133	183,300.00
Kelantan *Kelantan*	47	62	816	599,000.00
Terengganu *Terengganu*	26	196	959	933,750.00
Sabah *Sabah*	11	11	65	32,500.00
Sarawak *Sarawak*	8	74	118	194,500.00
JUMLAH / *TOTAL*	**345**	**603**	**4,452**	**5,278,906.20**

Jadual 10 : Harga Purata bagi Komoditi Tanaman Pelbagai Pada Tahun 2014
Table 10 : Average Prices for the Various Crops in the Year 2014

KOMODITI *COMMODITY*	HARGA PURATA *AVERAGE PRICE* (RM)		
	LADANG *FARM*	BORONG *WHOLESALE*	RUNCIT *RETAIL*
Kelapa Dikupas (biji) *Husked Coconut (nuts)*	1.20	1.50	1.95
Tebu (kg) *Sugar Cane (kg)*	1.00	1.30	1.85
Ubi Kayu (kg) *Tapioca (kg)*	0.90	1.45	2.55
Ubi Keledek (kg) *Sweet Potato (kg)*	1.25	1.95	2.75

Pembangunan dan Pemasaran Kelapa

FAMA bertanggungjawab dalam menguruskan kemasukan kelapa tua import iaitu di Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat dan juga pelabuhan-pelabuhan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pertanian dan MAQIS. Kuota yang diberi oleh Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani kepada pihak FAMA pada tahun 2014 adalah sebanyak 12 juta biji. Walau bagaimanapun, FAMA telah memohon dan memperoleh kelulusan khas kuota tambahan sebanyak 6 juta biji pada tahun ini bagi menampung keperluan domestik.

Kelapa Tua Import

Pusat Operasi FAMA Batu Pahat diberi tanggungjawab untuk mengendali dan memasarkan kelapa tua yang dibawa masuk melalui Pelabuhan Minyak Beku, Batu Pahat. Pada tahun 2014, kuantiti kelapa tua import yang telah dibawa masuk oleh FAMA meningkat sebanyak 29 peratus iaitu 13,228,548 biji yang bernilai RM9,921,411 berbanding pada tahun 2013 berjumlah 10,300,000 biji yang bernilai RM5,562,000. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, tren harga kelapa tua import adalah bercampur-campur dengan harga tertinggi RM0.90/kg pada bulan Januari dan Mac manakala harga terendah adalah RM0.57/kg pada bulan September seperti di **Rajah 4**.

Development and Marketing of Coconuts

FAMA was entrusted in bringing in imported old coconuts through the Minyak Beku Port, Batu Pahat and from other ports approved by the Department of Agriculture and MAQIS. The quota to import given to FAMA by the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry in 2014 amounted to 12 million nuts. However FAMA had applied and was approved an additional quota of 6 million nuts in 2014 to cater for domestic demand.

Import of Old Coconuts

*FAMA Operations Centre Batu Pahat was given the responsibility in handling and marketing of old coconuts brought in through Minyak Beku Port, Batu Pahat. In the year 2014, the imports of old coconuts by FAMA increased by 29 percent which amounted to 13,228,548 nuts valued at RM9,921,411 compared to the imports in the year 2013 of 10,300,000 nuts valued at RM5,562,000. For the period January to December 2014 the price trend of the imported old coconuts was mixed with the highest recorded was RM0.90/kg in the months of January and March while the lowest recorded price was RM0.57/kg in the month of September as shown in **Diagram 4**.*



Rajah 4 : Tren Harga Purata (RM/KG) bagi Kelapa Tua Import Pada Tahun 2014
Diagram 4 : Average Price Trend (RM/KG) of Imported Old Coconuts 2014

Kelapa Tua Tempatan

Bekalan utama kelapa tempatan adalah daripada Sabak Bernam, Selangor dan Bagan Datoh, Perak. Jumlah belian yang dibuat oleh FAMA adalah sebanyak 129,607 biji yang bernilai RM142,567.70 pada tahun 2014. Di samping itu, FAMA juga telah membawa masuk bekalan kelapa tua tempatan daripada Sarawak melalui Pusat Operasi FAMA Kota Samarahan sebanyak 125,000 biji yang bernilai RM150,000 bagi memenuhi permintaan pelanggan di Johor, Melaka dan Selangor. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, tren harga purata kelapa tua tempatan adalah bercampur-campur dengan purata tertinggi RM1.25/biji pada bulan Jun dan Julai manakala purata terendah adalah RM0.84/biji pada bulan Oktober seperti di **Rajah 5**.

Local Old Coconuts

*The main supply sources for local old coconuts were Sabak Bernam, Selangor and Bagan Datoh, Perak. The total purchases of FAMA amounted to 129,607 nuts valued at RM142,567.70 in the year 2014. At the same time FAMA had also brought in local old coconuts from Sarawak through FAMA Operations Centre Kota Samarahan totalling 125,000 nuts valued at RM150,000 to fulfill demand of clients in Johore, Malacca and Selangor. For the period January to December the average price trend was mixed with the highest price at RM1.25/nuts in the months of June and July while the lowest average was RM0.84/nuts in the month of October as shown in **Diagram 5**.*



Rajah 5 : Tren Harga Purata (RM/Biji) bagi Kelapa Tua Tempatan Pada Tahun 2014
Diagram 5 : Average Price Trend (RM/Nuts) of Local Old Coconuts in the Year 2014

Pembangunan dan Pemasaran Tebu

Lebih 60 peratus jualan tebu oleh Pusat Operasi FAMA adalah kepada pengilang-pengilang di Johor Bahru yang memproses tebu-tebu tersebut bagi tujuan eksport ke negara Singapura dan selebihnya untuk jualan kepada pengusaha jus tebu tempatan.Tebu menjadi penyumbang keempat terbesar komoditi pelbagai tanaman dari segi jumlah nilai jualan iaitu sebanyak 3 peratus. Pada tahun 2014, jumlah urusniaga tebu yang direkodkan adalah sebanyak RM420,338.97.

Development and Marketing of Sugarcane

More than 60 percent of the sugarcane sales transacted through the FAMA Operations Centre Rengit were to the factories in Johor Bahru, who then processed the sugarcane for export to Singapore and the balance were sold to local sugarcane juice processors. Sugarcane was the fourth highest contributor in the other commodities category in terms of sales value that amounted to 3 percent. In 2014 total sales of sugarcane amounted to RM420,338.97.

Aktiviti pembangunan dan pemasaran tebu oleh FAMA
Development and Marketing Activity of Sugarcane by FAMA

Pembangunan dan Pemasaran Roselle

Jumlah urusniaga yang direkodkan oleh Pusat Memproses Makanan FAMA Rengit (PMMF) melalui jualan produk roselle adalah sebanyak RM469,403.77. Antara produk yang mendapat sambutan adalah jem dan kordial roselle.

Development and Marketing of Roselle

The total transaction recorded by FAMA Food Processing Centre Rengit (PMMF) through the sales of Roselle Products amounted to RM469,403.77. Among the products which received good response was jam and cordial made from roselle.

Aktiviti pembangunan dan pemasaran Roselle oleh FAMA
Development and Marketing Activity of Roselle by FAMA

Pembangunan dan Pemasaran Jagung

Nilai jualan bagi komoditi jagung yang dicatatkan oleh Pusat Operasi FAMA pada tahun 2014 adalah sebanyak RM482,298.78.

Development and Marketing of Corn

The sales value for the commodity recorded by FAMA Operations Centre in 2014 was RM482,298.78.

Aktiviti pemasaran jagung oleh FAMA
Marketing Activity of Corn by FAMA

Pembangunan dan Pemasaran Ubi Kayu dan Keledek

Pada tahun 2014, nilai urusniaga komoditi ubi kayu adalah sebanyak RM71,457 manakala bagi keledek pula adalah sebanyak RM24,785.

Development and Marketing of Tapioca and Sweet Potato

In the Year 2014, the value of transaction for tapioca was RM71,457 and for sweet potato was RM24,785.

Aktiviti pemasaran ubi kayu oleh FAMA
Marketing Activity of Tapioca by FAMA

PEMBANGUNAN DAN PEMASARAN TERNAKAN & AKUAKULTUR

Secara keseluruhannya nilai urusniaga ternakan dan akuakultur telah meningkat sebanyak 54.69 peratus iaitu daripada RM12.25 juta pada tahun 2013 kepada RM18.95 juta tahun 2014 seperti di **Jadual 11**. Komoditi akuakultur telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3 juta berbanding RM6.16 juta pada tahun 2013 iaitu penurunan sebanyak 51.2 peratus. Nilai urusniaga tertinggi yang direkodkan adalah pada bulan Disember iaiu sebanyak RM972, 719.40 kerana terdapatnya permintaan yang tinggi semasa musim cuti sekolah. Selain itu, peningkatan pada bulan tersebut juga kemungkinan disebabkan bekalan yang banyak selepas musim perayaan iaitu Hari Raya Aidiladha yang jatuh pada penghujung Ogos (**Jadual 12** adalah prestasi jualan urusniaga mengikut Pusat Operasi).

DEVELOPMENT AND MARKETING OF LIVESTOCK AND AQUACULTURE

*In 2014, trading in livestock and aquaculture recorded an increase of 54.69 percent from total trading of RM 12.25 million in 2013 to RM 18.95 million in 2014 as shown in **Table 11**. Trading in aquaculture recorded a sales value of RM 3 million compared to RM 6.16 million in 2013, a decline of 51.2 percent. The highest trading value recorded was in the month of December that amounted to RM972,719.40 and this was due to the high demand during the school holidays. The increase could also be attributed to the high supply volume available after Hari Raya Haji which was celebrated at the end of August (**Table 12** shows the sales performance by Operations Centre).*

Jadual 11 : Nilai Urusniaga Ternakan dan Akuakultur bagi Tahun 2013 dan 2014
Table 11 : Trading Value for Livestock and Aquaculture for 2013 and 2014

KOMODITI *COMMODITY*	NILAI URUSNIAGA *TRADING VALUE* (RM)	
	2013	2014
Ternakan *Livestock*	6,086,144.61	15,947,477.64
Akuakultur *Aquaculture*	6,168,452.75	3,009,436.64
JUMLAH / *TOTAL*	**12,254,597.36**	**18,956,914.28**

Jadual 12 : Laporan Prestasi Jualan Ternakan & Akuakultur mengikut Pusat Operasi
Table 12 : Sales Performance Report for Livestock and Aquaculture by Operations Centre

PUSAT OPERASI *OPERATIONS CENTRE*	2013 (RM)	2014 (RM)
Mergong *Mergong*	1,163,224.65	1,209,267.93
Jerantut *Jerantut*	2,056,920.39	1,848,133.99
Lanchang *Lanchang*	5,904,072.90	5,214,726.39
Simpang Renggam *Simpang Renggam*	701,672.92	394,380.29
Kuala Pilah *Kuala Pilah*	547,169.19	559,676.40
Senawang (Jelebu) *Senawang (Jelebu)*	1,881,537.31	1,079,973.10
Ibu Pejabat *Headquarters*	–	8,650,756.18
JUMLAH / *TOTAL*	**12,254,597.36**	**18,956,914.28**

Manakala bagi komoditi ternakan pula, nilai urusniaga yang dicatatkan adalah sebanyak RM15.94 juta berbanding RM 6.08 juta pada tahun 2013. Nilai urusniaga tertinggi yang dicatatkan pada bulan Ogos dan Oktober disebabkan permintaan yang tinggi bagi daging lembu dan lembu sembelihan apabila tibanya musim perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji.

Peningkatan hasil jualan dari tahun 2013 sehingga tahun 2014 ini menunjukkan perkembangan positif penglibatan FAMA dalam industri ternakan negara. Berdasarkan tren ini menunjukkan permintaan pengguna semakin meningkat terhadap keluaran industri ternakan. Namun demikian, penurunan hasil jualan yang agak ketara terhadap komoditi akuakultur disebabkan bekalan yang kurang mencukupi di ladang disebabkan oleh beberapa faktor seperti cuaca dan bencana alam.

PROGRAM LADANG KONTRAK

Program Ladang Kontrak telah mensasarkan untuk membangunkan kawasan tanaman seluas 7,500 hektar dengan penglibatan seramai 4,500 orang peserta. Program ini telah berjaya membangunkan kawasan tanaman seluas 7,915 hektar (106 peratus) melibatkan seramai 4,777 orang peserta (106 peratus). Pencapaian ladang kontrak sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 13** dan **Jadual 14**.

As for the trading in livestock, the value recorded was RM15.94 million compared to RM 6.08 million in 2013. The highest sales value recorded was in the months of August and October and this was due to the high demand for beef and slaughter cows for the Hari Raya Puasa and Hari Raya Haji celebrations.

The increase in sales from the year 2013 to the year 2014 shows a positive development in FAMA's involvement in the National Livestock Industry. Based on this trend it shows that the progressive growth in consumer demand for livestock industry products is relatively significant. On the other hand the significant decline in the sales of aquaculture products was because of inadequate supply at the farm level due to various factors such as adverse weather and natural disasters.

CONTRACT FARMING PROGRAMME

*The Contract Farming Programme was targeted to develop a total crop area of 7,500 hectares involving 4,500 participants. The contract farming programme had developed 7,915 hectares (106 percent) of crop area involving 4,777 participants (106 percent). The achievement of contract farming for the year ending 31 December 2014 is as in **Table 13** and **14**.*

Jadual 13 : Pencapaian Terkumpul Ladang Kontrak Mengikut Negeri Sehingga 31 Disember 2014
Table 13 : Accumulated Total Achievement of Contract Farming for the Year Ending 31 December 2014 by State

NEGERI *STATE*	LUAS (HEKTAR) *AREA (HECTARE)*			PESERTA *PARTICIPANT*		
	SASARAN *TARGET*	PENCAPAIAN *ACHIEVED*	%	SASARAN *TARGET*	PENCAPAIAN *ACHIEVED*	%
Kedah *Kedah*	604	662	110	400	448	112
Perlis *Perlis*	68	129	189	65	70	108
Pulau Pinang *Penang*	288	272	94	167	163	98
Pahang *Pahang*	1,095	1,059	97	511	488	95
Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	603	707	117	260	257	99
Perak *Perak*	677	751	111	297	295	99
Selangor *Selangor*	696	728	105	454	468	103
Melaka *Malacca*	220	306	139	128	128	100
Kelantan *Kelantan*	520	641	123	471	417	89
Terengganu *Terengganu*	473	488	103	369	562	152
Johor *Johore*	870	822	94	397	323	81
Sarawak *Sarawak*	847	819	97	614	582	95
Sabah *Sabah*	539	532	99	367	576	157
JUMLAH / *TOTAL*	**7,500**	**7,915**	**106**	**4,500**	**4,777**	**106**

Jadual 14 : Pencapaian Ladang Kontrak Mengikut Jabatan dan Agensi Sehingga 31 Disember 2014
Table 14 : Achievement of Contract Farming until 31 December 2014 by Department and Agency

JABATAN/AGENSI *DEPARTMENT/AGENCY*	LUAS (HEKTAR) *AREA (HECTARE)*			PESERTA *PARTICIPANT*		
	SASARAN *TARGET*	PENCAPAIAN *ACHIEVED*	%	SASARAN *TARGET*	PENCAPAIAN *ACHIEVED*	%
MOMA Sarawak *MOMA Sarawak*	747	819	110	534	582	109
Swasta *Private*	2,560	1,889	74	1,434	998	70
Jabatan Pertanian (DOA) TKPM *Dept. of Agriculture (DOA)TKPM*	434	929	214	229	210	92
DOA Kelompok *DOA Cluster*	1,868	2,225	119	1,161	1,495	129
LPP/PPK *FOA/SFA*	498	515	103	359	357	99
MAFI Sabah *MAFI Sabah*	439	532	121	297	576	194
LPNM *LPNM (Pineapple Authority)*	809	1,005	124	486	559	115
JUMLAH / *TOTAL*	**7,500**	**7,915**	**106**	**4,500**	**4,777**	**106**

Pada tahun 2014, sasaran kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 330,000 tan metrik dengan nilai RM660 juta. Sehingga 31 Disember 2014, nilai pengeluaran yang dicapai adalah RM688.33 juta (104 peratus). Sumbangan jumlah pengeluaran bagi sayur-sayuran adalah sebanyak RM345 juta dan selebihnya adalah buah-buahan dan nanas. Perincian pencapaian hasil pengeluaran ladang kontrak seperti di **Jadual 15**.

For the year 2014, production target was set at 330,000 tonnes valued at RM660 million. Up to 31 December 2014, the value of production achieved amounted to RM688.33 million (104 percent). The contribution for vegetable production was RM345 million, while the balance was for fruits and pineapple. ***Table 15*** *shows the achievement details of Contract Farming Programme.*

Jadual 15 : Pencapaian Hasil Pengeluaran Ladang Kontrak bagi Tahun 2014
Table 15 : *Achievement of Production under Contract Farming For Year 2014*

KOMODITI *COMMODITY*	SASARAN 2014 *TARGET 2014*			PENCAPAIAN 2014 *ACHIEVED 2014*			
	LUAS (HEKTAR) *AREA (HECTARE)*	HASIL (TAN METRIK) *PRODUCTION (TONNES)*	NILAI *VALUE* (RM)	LUAS (HEKTAR) *AREA (HECTARE)*	HASIL (TAN METRIK) *PRODUCTION (TONNES)*	NILAI *VALUE* (RM)	% PENCAPAIAN *ACHIEVED*
Sayur *Vegetables*	3,000	185,000	370,000,000	2,875	172,501	345,002,400	95
Buah *Fruits*	3,300	100,000	200,000,000	3,740	119,692	239,383,744	117
Nanas *Pineapple*	1,200	45,000	90,000,000	1,299	51,974	103,947,120	112
JUMLAH / *TOTAL*	**7,500**	**330,000**	**660,000,000**	**7,915**	**344,167**	**688,333,264**	**108**

Sebanyak 345 perjanjian jual beli (*Forward Agreement*) di antara FAMA dengan 603 orang peserta ladang kontrak. Jumlah kuantiti kontrak adalah 4,452 tan metrik dengan nilai RM5,278,906.00. Pecahan perjanjian yang dilaksanakan mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 16**.

A total of 345 Forward Agreements were signed between FAMA and 603 Contract Farming participants. The total contract quantity was for 4,452 tonnes with contract value of RM5,278,906.00. The breakdown of the agreements implemented by state is as in ***Table 16****.*

Jadual 16 : Pelaksanaan Perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak Pada Tahun 2014
Table 16 : *Achievement of Production Under Contract Farming For Year 2014*

NEGERI *STATE*	JUMLAH PERJANJIAN JUAL BELI *TOTAL FORWARD AGREEMENT*	BIL PETANI *NO. OF FARMERS*	KUANTITI KONTRAK (TAN METRIK) *QUANTITY AGREEMENT (TONNES)*	ANGGARAN NILAI *ESTIMATED VALUE* (RM)
Perlis *Perlis*	24	24	120	216,000.00
Kedah *Kedah*	45	45	30.2	71,535.80
Pulau Pinang *Penang*	24	24	55.2	61,285.40
Perak *Perak*	38	38	951	1,142,225.00
Selangor *Selangor*	38	41	443	987,450.00
Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	22	18	231.1	410,900.00
Melaka *Malacca*	17	17	27.2	41,960.00
Johor *Johore*	9	17	503.8	404,500.00
Pahang *Pahang*	36	36	133	183,300.00
Kelantan *Kelantan*	47	62	816	599,000.00
Terengganu *Terengganu*	26	196	958.5	933,750.00
Sabah *Sabah*	11	11	65	32,500.00
Sarawak *Sarawak*	8	74	118	194,500.00
JUMLAH KESELURUHAN *GRAND TOTAL*	**345**	**603**	**4,451.96**	**5,278,906.20**

Forward Agreement peserta tanaman cili fertigasi Kg Gedong, Sarawak
Forward Agreement Participant Fertigation Chili Farming, Kg. Gedong, Sarawak

Forward Agreement tanaman Rock Melon di Batang Merbau, Kelantan
Forward Agreement Rock Melon crop in Batang Merbau, Kelantan

Lawatan ladang tanaman pisang tanduk dan berangan di Ledang, Johor
Visit to Horn Banana (Plantain) and Berangan Banana Plantation in Ledang, Johore

Lawatan projek tanaman timun dan labu air di Sungai Panjang, Sabak Bernam
Visit to Cucumber and Labu Air farm in Sungai Panjang, Sabak Bernam

PROGRAM PENGUKUHAN BEKALAN LADANG KONTRAK KE PASARAN (KUKUH)

Program KUKUH mula dilaksanakan pada penghujung tahun 2012 dan sehingga kini bilangan pengeluar adalah seramai 656 orang dan 150 orang pemasar di seluruh Malaysia. Kuantiti dan nilai belian Program KUKUH adalah seperti di **Jadual 17**.

PROGRAMME TO INCREASE SUPPLY FROM CONTRACT FARMING TO MARKETS (KUKUH)

*The KUKUH programme was implemented at the end of 2012, and to date had recorded 656 producers and 150 Pasar Tani marketers throughout Malaysia. The quantity and the value of purchases under KUKUH Programme are shown in **Table 17**.*

Jadual 17 : Pelaksanaan Program KUKUH Tahun 2014
Table 17 : Implementation of KUKUH Programme Year 2014

NEGERI *STATE*	KUANTITI BELIAN *QUANTITY* (KG)	NILAI BELIAN *PURCHASE VALUE* (RM)
Perlis *Perlis*	61,213	59,634
Kedah *Kedah*	290,433	440,299
Pulau Pinang *Penang*	277,257	563,349
Perak *Perak*	515,376	1,034,832
Selangor *Selangor*	330,875	491,978
Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	359,586	781,524
Melaka *Malacca*	40,384	96,741
Johor *Johore*	310,073	654,061
Pahang *Pahang*	256,049	558,112
Kelantan *Kelantan*	1,096,521	1,631,660
Terengganu *Terengganu*	80,004	141,214
Sabah *Sabah*	292,152	586,193
Sarawak *Sarawak*	358,475	682,950
JUMLAH KESELURUHAN *GRAND TOTAL*	**4,268,396**	**7,722,547**

PUSAT PENGUMPULAN LADANG (PPL)

PPL adalah pusat pengumpulan di peringkat ladang yang menjadi tempat pertemuan pemasar dan pengeluar, luang pasaran kepada hasil-hasil pertanian, dan tempat mendapatkan kemudahan pemasaran. Pusat ini juga berfungsi sebagai tempat melaksanakan aktiviti lepas tuai dan pusat informasi pasaran.

PPL dibangunkan di kawasan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), projek kelompok pertanian dan kawasan peserta ladang kontrak. Sebanyak 157 buah PPL telah dibangunkan dan perincian mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 18**.

FARM COLLECTION CENTRES (PPL)

The Farm Collection Centres act as the meeting point for marketers and producers, market outlet for agricultural produce and for marketing facilitation. The centre also facilitates post-harvest activities and functions as a market information centre.

*The Centres were developed in vegetable and fruit growing areas such as National Permanent Food Production Areas (TKPM), Agriculture Cluster Projects and Contract Farming Areas. The total Farm Collection Centres developed was 157 Centres and the details are as in **Table 18**.*

Jadual 18 : Jumlah Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) yang Dibangunkan Tahun 2014
Table 18 : Total Farm Collection Centres Developed 2014

NEGERI *STATE*	BILANGAN PUSAT (BUAH) *NO. OF CENTRES*
Perlis *Perlis*	3
Kedah *Kedah*	14
Pulau Pinang *Penang*	7
Perak *Perak*	33
Selangor *Selangor*	4
Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	18
Melaka *Malacca*	2
Johor *Johore*	22
Kelantan *Kelantan*	2
Terengganu *Terengganu*	2
Pahang *Pahang*	12
Sabah *Sabah*	27
Sarawak *Sarawak*	11
JUMLAH / *TOTAL*	**157**

Kategori Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)
Category of Farm Collection Centre

Mudah Alih
Mobile

Separa Kekal
Semi-Permanent

Kekal
Permanent

PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGROPELANCONGAN MALAYSIA (MAHA) 2014

MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM SHOW (MAHA) 2014

Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2014 yang bermula pada 20 hingga 30 November 2014 merupakan satu pameran antarabangsa yang menghimpunkan teknologi terkini hasil inovasi pertanian, industri asas tani (IAT), hortikultur dan industri pelancongan. Pameran terbesar di rantau Asia ini dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Selain pameran, aktiviti jualan komoditi produk segar dan florikultur turut diadakan sempena MAHA 2014.

Pihak FAMA dan usahawan bimbingan FAMA telah mengadakan aktiviti jualan produk segar iaitu buah-buahan dan sayur-sayuran serta produk florikultur di Laman Tiba 1B dan Laman Tiba 2 MAEPS, Serdang. Secara keseluruhannya, nilai jualan yang direkodkan sepanjang MAHA 2014 adalah sebanyak RM3,314,982.84. Nilai jualan berdasarkan komoditi dan peserta adalah seperti di **Jadual 19**.

The Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA) 2014 was held from 20 November 2014 until 30 November 2014. MAHA is a biennial Show and Trade Exhibition which brings together the latest technology in agricultural innovations, agro-based industries and agro tourism. The MAHA Exhibition which to date is the largest exhibition in the Asian region is hosted by the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry Malaysia. Apart from the exhibition there were also sales of fresh produce and floricultural products at MAHA Show 2014.

*FAMA together with FAMA guided entrepreneurs had put up kiosks for the sales of fresh fruits, vegetables and floricultural products at the entrances to the site at Laman Tiba 1B and Laman 2 MAEPS, Serdang. The total sales value recorded for the whlole period of MAHA Show 2014 amounted to RM3,314,982.84. The sales value recorded based on commodities and participants is shown in **Table 19**.*

Jadual 19 : Nilai Jualan Berdasarkan Komoditi dan Peserta di MAHA 2014
Table 19 : Sales Value Based on Commodities and Participants at MAHA 2014

PRODUK *PRODUCT*	NILAI JUALAN *SALES VALUE* (RM)		JUMLAH *TOTAL* (RM)
	FAMA *FAMA*	USAHAWAN BIMBINGAN FAMA *ENTREPRENEURS GUIDED BY FAMA*	
Segar *Fresh Produce*	312,484.34	1,031,415.00	1,343,899.34
Florikultur *Floriculture*	71,899.00	1,899,184.50	1,971,083.50
JUMLAH KESELURUHAN *GRAND TOTAL*	**384,383.34**	**2,930,599.50**	**3,314,982.84**

Aktiviti di MAHA 2014
Activities at MAHA 2014

Seramai 52 usahawan bagi makanan popular dari seluruh negara telah mengambil bahagian pada MAHA kali ini. FAMA telah mempromosikan 178 menu sebagai satu tarikan kepada pengunjung. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada usahawan makanan tempatan untuk mempopularkan sajian tradisi setiap negeri di Malaysia. Sajian Makanan Popular MAHA kali ini telah merekodkan jualan sebanyak RM2 juta.

Pada program MAHA 2014, sebanyak 67 syarikat termasuk 27 syarikat swasta antarabangsa dari 14 negara (Indonesia, Thailand, Vietnam, Brunei, Laos, Kemboja, Singapura, Pakistan, Azerbaijan, Taiwan, China, Korea Selatan, Jepun, Fiji) telah mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Program *trade days* MAHA 2014 telah berjaya menarik seramai 500 orang pengunjung perdagangan (business man) tempatan dan antarabangsa dalam sesi *Business to Business*. Manakala bagi program *Agro-Trade International Conference*, seramai 200 orang peserta telah hadir ke program tersebut. Program ini mendapat maklumbalas yang positif daripada peserta pameran (*exhibitors*) yang mengambil bahagian. Sebanyak 60,000 pertanyaan perdagangan berpotensi (*potential trade enquiries*) telah direkodkan sepanjang tempoh MAHA berlangsung.

A total of 52 popular dishes entrepreneurs from all over the country participated in this year's MAHA . FAMA had promoted 178 menus as an added attraction for the visitors. At the same time this programme was an opportunity for the entrepreneurs to popularise the traditional dishes of the various states in Malaysia. The Popular Dishes in MAHA 2014 had recorded sales amounting to RM2 million.

At the MAHA Show 2014, a total of 67 companies including international companies from 14 countries (Indonesia, Thailand, Vietnam, Brunei, Laos, Cambodia, Singapore, Pakistan, Azerbaijan, Taiwan, China, South Korea, Japan, and Fiji) participated in the exhibition. MAHA 2012 Trade Days were organized which attracted 500 local and international business leaders who attended The Business to Business sessions. An Agro Trade International Conference had attracted 200 participants. Positive feedbacks were received from the exhibition participants. Trade enquiries recorded 60,000 potential trade enquiries throughout the whole period of the MAHA Show.

PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI
DEVELOPMENT OF AGRO BASED INDUSTRY

PROGRAM PEMBANGUNAN KUALITI PRODUK

Pembangunan dan Penambahbaikan Pusat Pemprosesan dan Pemasaran Produk (PUSPRO)

Pada tahun 2014, sebanyak sembilan buah PUSPRO beroperasi melibatkan 17 orang usahawan dengan nilai jualan yang direkodkan sebanyak RM4.45 juta seperti di **Jadual 20**.

PRODUCT QUALITY DEVELOPMENT PROGRAMME

Development and Improvement of Food Products Processing and Marketing Centre (PUSPRO)

*In the Year 2014, nine PUSPRO Centres were in operation involving 17 entrepreneurs with recorded sales value amounting to RM4.45 million as in **Table 20**.*

Jadual 20 : Senarai PUSPRO Tahun 2014
Table 20: List of PUSPRO Centres in the Year 2014

BIL. *NO.*	LOKASI *LOCATION*	BIL. USAHAWAN *NO. OF ENTREPRENEURS*	PRODUK *PRODUCTS*	JUMLAH JUALAN *TOTAL SALES* (RM)
1.	Merlimau, Melaka *Merlimau, Malacca*	6	Pes Masakan, Bahulu, Biskut, Jus Akar Kayu, Dodol, kek & Jeli Kelapa *Cooking Paste, Bahulu (Mini Egg Sponge Cake), Biscuits, Root Juice, Dodol,Cakes & Coconut Jelly*	1,329,318
2.	Benut, Johor *Benut, Johore*	2	Bakeri & Minuman *Bakery & Drinks*	284,337
3.	Pagoh, Johor *Pagoh, Johore*	1	Murtabak Sejukbeku *Frozen Murtabak*	-
4.	Sg. Siput, Perak *Sg. Siput, Perak*	1	Kerepek & Bahulu *Chips & Bahulu*	478,000
5.	Bagan Datoh, Perak *Bagan Datoh, Perak*	1	Kek Moist *Moist Cake*	173,500
6.	RTC Gopeng, Perak *RTC Gopeng, Perak*	3	Pau, Biskut & Tepung Putu Perak *Dumplings, Biscuits & Perak Putu Flour*	1,961,000
7.	Lahat Datu, Sabah *Lahad Datu, Sabah*	1	Kerepek *Chips*	13,319
8.	Kg. Selamat, P. Pinang *Kg. Selamat, Penang*	1	Sos & Keropok *Sauce & Crackers*	176,100
9.	Merbau Kudung, P. Pinang *Merbau Kudung, Penang*	1	Pes Masakan *Cooking Paste*	39,485
	JUMLAH / *TOTAL*	**17**		**4,455,059**

PUSPRO RTC di Gopeng, Perak
PUSPRO at RTC Gopeng, Perak

PUSPRO di Kg. Selamat, Pulau Pinang
PUSPRO at Kg. Selamat, Penang

Geran Pemadanan

FAMA turut terlibat secara langsung dalam aktiviti menyalurkan geran pemadanan yang disediakan oleh kementerian kepada usahawan IAT bimbingan FAMA. Dua bentuk geran telah diterima iaitu:-

1) **Geran Pemadanan bagi Projek Berimpak Tinggi (HIP)**
   - Program ini ditawarkan kepada usahawan Tahap 4 dan Tahap 5 sahaja (nilai jualan tahunan antara RM300 ribu hingga RM15 juta). Program ini menyediakan bantuan dalam bentuk geran pemadanan yang meliputi skop seperti berikut:-
     - i) Pembelian mesin
     - ii) Pembinaan dan penambahbaikan premis ke arah pensijilan atau pembesaran operasi

2) **Geran Pemadanan "*Change Upgrade Product*" (CUP)**
   - Program ini ditawarkan kepada usahawan tahap 1 hingga 3 sahaja (nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300 ribu). Program ini menyediakan bantuan dalam bentuk geran penuh/geran pemadanan meliputi skop seperti berikut:-
     - i) Kajian nutrisi dan jangka hayat produk
     - ii) Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan
     - iii) Peningkatan kapasiti pengeluaran melalui perolehan mesin dan peralatan
     - iv) Penambahbaikan Premis

Matching Grant

FAMA was also directly involved in the activity to channel matching grants from the Ministry to FAMA guided SME entrepreneurs. There were two types of grants available namely:-

1) ***Matching Grant For High Impact Project***
   - *The grant is offered to entrepreneurs at Level 4 and Level 5 only (annual sales value between RM300 Thousand to RM15 million). The matching grant is provided to entrepreneurs which covers the following scope:-*
     - *i) Buying machinery*
     - *ii) To build and improve production premises for certification purposes or to expand operations*

2) ***Matching Grant To Change Upgrade Product (CUP)***
   - *The grant is offered to entrepreneurs at Level 1 to Level 3 only, (with annual sales turnover of not more than RM300 thousand). The Programme provides assistance in the form of full grant/matching grant covering the following scope:-*
     - *i) Research on nutrition and product life span*
     - *ii) Packaging and labeling design*
     - *iii) Increasing production capacity through the acquisition of machinery and equipment*
     - *iv) Improvement of premises*

Jadual 21 : Pencapaian Geran Pemadanan HIP dan CUP 2014
Table 21 : Achievement of Matching Grant for HIP and CUP 2014

GERAN PEMADANAN *MATCHING GRANT*	BIL. USAHAWAN MENDAPAT FAEDAH *NO. OF ENTREPRENEURS WHO BENEFITED*	JUMLAH PEMBIAYAAN *TOTAL FUNDING* (RM)
HIP *HIP*	19	2,938,969.00
CUP *CUP*	25	649,859.20

Penerima Geran HIP
HIP Grant Recipient

Penerima Geran CUP
CUP Grant Recipient

Penambahbaikan Kualiti Pembungkusan dan Pelabelan Produk

Program ini dikhususkan kepada usahawan tahap 1 hingga 3 sahaja (nilai jualan tahunan tidak melebihi RM300 ribu). Sepanjang tahun 2014, seramai 42 usahawan telah mendapat faedah daripada program penambahbaikan kualiti pembungkusan dan pelabelan produk IAT. Perincian pencapaian bagi program ini adalah seperti di **Jadual 22**.

Improving Quality of Product Packaging and Labeling

*The programme was focused on entrepreneurs at Level 1 to Level 3 only (annual sales turnover not exceeding RM300 thousand). During the year 2014, forty two entrepreneurs benifited from the programme of improving quality of IAT product packaging and labeling. The details are as shown in **Table 22**.*

Jadual 22 : Pencapaian Penambahbaikan Kualiti Pembungkusan dan Pelabelan Produk IAT Pada Tahun 2014
Table 22 : Achievement in Improving the Quality Of Packaging and Labeling IAT Products in the Year 2014

BIL. *NO.*	SASARAN *TARGET*	PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*	% PENCAPAIAN *ACHIEVEMENT*
Usahawan IAT *Entrepreneur*	25	42	375

Pengaturan dan Penganjuran Kursus

Bagi tahun 2014, sebanyak dua kursus kepada kakitangan Bahagian IAT di peringkat ibu pejabat dan negeri telah dilaksanakan bagi meningkatkan pemantapan pegawai pembimbing dalam membantu usahawan untuk memasarkan produk dengan lebih cekap.

Arrangement and Organization of Courses

In 2014, two courses for IAT section personnel from headquarters and state were carried out to increase efficiency of officers advising entrepreneurs in marketing the products.

Bengkel Akta dan Peraturan Makanan 1985 serta Pelabelan dan Pembungkusan
A workshop Act and Food Regulations 1985 and Labeling and Packaging

PENJENAMAAN PRODUK

Salah satu program penjenamaan yang diberi tumpuan adalah pembangunan produk juara negeri. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti penambahbaikan pelabelan dan pembungkusan produk serta mempromosikannya melalui program-program karnival yang dijalankan mengikut sesuatu negeri. Bagi tahun 2014, sebanyak 18 produk telah berjaya dibantu.

PRODUCT BRANDING

One of the programme that had been given focus was the development of state champion product. Among the activities carried out were, improving the labeling and packaging of the product as well as promoting the product through carnival programmes organized in each state. In 2014, eighteen products were given assistance.

Jadual 23 : Senarai Produk Juara Negeri Tahun 2014
Table 23 : List of State Champion Products 2014

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	PRODUK *PRODUCTS*
1.	Melaka *Malacca*	i) Pes masakan *i) Cooking Paste*
2.	Pahang *Pahang*	i) Sambal Pahang *i) Pahang Condiment* ii) Gula Kabung *ii) Palm Sugar*
3.	Kedah *Kedah*	i) Mee Sanggul *i) Bun Noodles*
4.	Perak *Perak*	i) Kordial Asam Gelugur Masak *i) Ripe Asam Gelugur Cordial (Garcina atroviridis)* ii) Kordial Asam Gelugur Muda *ii) Young Asam Gelugor Cordial (Garcina atroviridis)* iii) Biskut Kelapa *iii) Coconut Biscuits* iv) Pekasam Sedia hidang *iv) Preserved Fish* v) Minuman Asam Jawa *v) Asam Jawa Cordial* vi) Minuman Mangga *vi) Mango Drink*
5.	Perlis *Perlis*	i) Rempeyek *i) Crispy Crackers*
6.	Sarawak *Sarawak*	i) Kek Lapis *i) Layer Cake*
7.	Pulau Pinang *Penang*	i) Kuah Rojak *i) Fruit Salad Dressing*
8.	Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	i) Rendang Pucuk Ubi *i) Tapioca Shoot Chop*
9.	Johor *Johore*	i) Sambal belacan *i) Prawn Paste Condiment*
10.	Sabah *Sabah*	i) Keropok Giling *i) Milled Crackers*
11.	Terengganu *Terengganu*	i) Sos Pencicah Keropok *i) Cracker Dipping Sauce*
12.	Kelantan *Kelantan*	i) Serunding *i) Floss*

Produk Juara Negeri Pahang
Pahang State Champion Product

PEMBANGUNAN RANGKAIAN PUSAT JUALAN AGROBAZAAR K-SHOPPE

Pada tahun 2014, sebanyak 26 Agrobazaar K-Shoppe baru telah dibangunkan menjadikan Agrobazaar K-Shoppe keseluruhannya sebanyak 146 buah. Selain itu, 33 Agrobazaar K-Shoppe sedia ada telah ditambahbaik. Seramai 986 usahawan sokongan dapat dibantu di bawah program Agrobazaar K-Shoppe dengan kutipan nilai jualan sebanyak RM92.8 juta seperti di **Jadual 24**.

DEVELOPMENT OF AGROBAZAAR K- SHOPPE SALE CENTRES NETWORK

In 2014, twenty six new Agrobazaar K-Shoppe Centres were developed making the total Agrobazaar K-Shoppes developed to date at 146 Centres. At the same time, thirty three existing Agrobazaar K-Shoppes were improved. Nine Hundred and Eighty Six Entrepreneurs were given assistance under the Programme Agrobazaar K-Shoppe and their total sales collection amounted to RM92.8 million as shown in Table 24.

Jadual 24 : Pencapaian Agrobazaar K-Shoppe bagi Tahun 2014
Table 24 : Agrobazaar K-Shoppe Achievement for the Year 2014

BIL. *NO.*	K-SHOPPE *K- SHOPPE*	TAHUN *YEAR* 2014
1.	Bil. K-Shoppe keseluruhan *Total No. of K-Shoppes*	146
2.	Bil. Pembangunan K-Shoppe Baru *No. of New K-Shoppes Developed*	26
3.	Bil. Penambahbaikan K-Shoppe *No. of K-Shoppes Improved*	33
4.	Pembekal Baru *New Suppliers* i) Bil. Pembekal Baru *No. of New Suppliers* ii) Bil. Produk Baru *No. of New Products*	 986 2,617
5.	Nilai Jualan *Sales Value*	RM 92.8 juta

Agrobazaar K-Shoppe baru – Syarikat D'Benta Resources, Pahang
New Agrobazaar K-Shoppe - D'Benta Resources Company, Pahang

PROGRAM PEMBANGUNAN AKSES PASARAN

Promosi dan Karnival

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 237 aktiviti promosi jualan dan karnival IAT telah dianjurkan oleh FAMA di peringkat daerah dan negeri. Selain itu, FAMA turut melibatkan usahawan bimbingan untuk menyertai karnival yang dianjurkan oleh pihak luar. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM13.35 juta.

PROGRAMME FOR DEVELOPMENT OF MARKET ACCESS

Promotions and Carnivals

Throughout 2014, a total of 237 IAT promotions and carnivals had been organized by FAMA at the district and state levels. FAMA had also involved entrepreneurs in participating in Carnivals organized by other Agencies. The sales value recorded amounted to RM13.35 million.

Promosi jualan produk IAT di Pasar Tani UTC, Kuantan, Pahang
IAT products sales promotion at Pasar Tani UTC, Kuantan, Pahang

Karnival IAT sempena Aidilfitri, Pulau Pinang
IAT Carnival in conjunction with Aidifitri, Penang

Karnival IAT sempena Aidilfitri, Menara Condong, Perak
IAT Carnival in conjunction eith Aidilfitri, Leaning Tower, Perak

PENGEDARAN PRODUK PROSES

Pada tahun 2014, FAMA memfokuskan kepada pengedaran produk AgroMas dan IKS yang berpotensi di *outlet–outlet* dalam dan luar negara. FAMA juga terlibat dalam memperluaskan pasaran melalui program ekspo di beberapa negara Asean seperti Brunei, Singapura dan Vietnam. Sepanjang tahun 2014, nilai jualan keseluruhan yang dicatatkan adalah sebanyak RM37.66 juta menerusi aktiviti promosi *in–store* dengan pasaraya Giant. Program ini melibatkan 57 buah *outlet* yang disertai oleh 47 orang usahawan dengan 95 SKU.

Pembangunan Produk Agromas

Bilangan usahawan yang menjadi vendor AgroMas adalah seramai 41 orang pada tahun 2014. Sebanyak 15 SKU (*Stock Keeping Unit*) baru bagi produk AgroMas telah dibangunkan menjadikan jumlah keseluruhan SKU AgroMas adalah sebanyak 92 SKU. Antara produk yang dibangunkan adalah seperti berikut:–

1) AgroMas Air Berkarbonat (oren, strawberi, sarsi)
2) AgroMas Pes Masakan (Asam Pedas, Masak Kicap, Rendang, Masam Manis, Sambal Tumis, Laksa Sarawak)
3) AgroMas Beras Premium (Beras Premium 10 kg, Beras Premium 5 kg)
4) AgroMas Madu Akasia
5) AgroMas Madu Gelam
6) AgroMas Madu Kelulut
7) AgroMas Bawang Goreng

Program Promosi *In–Store* di Rangkaian Pasaraya Utama dan *Outlet* Tempatan

Pada tahun 2014, program promosi *in–store* di pasaraya utama dan *outlet* tempatan telah dilaksanakan bagi menyokong aktiviti jualan dan promosi produk AgroMas. Antara program aktiviti yang telah dijalankan adalah pemberian sampel makanan kepada pengguna, penurunan harga produk dan pengedaran *leaflet* promosi produk. Bagi aktiviti pengedaran *leaflet* produk, FAMA telah mendapat kerjasama pihak Giant untuk mencetak dan mengedarkan *leaflet* ke semua *outlet hypermarket* Giant Semenanjung Malaysia. Aktiviti ini telah dijalankan sebanyak empat kali setahun iaitu awal tahun, musim perayaan Aidilfitri dan Aidiladha serta akhir tahun. Bilangan SKU yang terlibat di dalam program promosi ini adalah sebanyak 30 SKU.

Selain itu juga, pihak Giant turut menempatkan produk Agromas di beberapa tempat khas bagi tujuan promosi seperti di "*wing*", "*block*" dan "*gondola – end*". Ianya bagi memberikan impak yang positif terhadap perlaksanaan program tersebut.

DISTRIBUTION OF PROCESSED PRODUCTS

In 2014, FAMA had focused on the distribution of potential AgroMas and IKS products to local and international outlets. FAMA was also involved in expanding the market through participation in Expositions in the various ASEAN countries such as Brunei, Singapore and Vietnam. Throughout 2014, the total sales value recorded amounted to RM37.66 million through in-store promotional activities with Giant hypermarkets. The programme involved 57 outlets, participated by 47 entrepreneurs with 95 Stock Keeping Units (SKU).

Agromas Product Development

The number of AgroMas vendors in 2014 totaled 41 entrepreneurs. Fifteen new Stock Keeping Units (SKU) of AgroMas products were developed bringing the total AgroMas Stock Keeping Units to 92. Among the products developed were:-

1) Carbonated AgroMas Drink (Orange, Strawberry, Sarsaparilla)
2) AgroMas Food Paste (Sour and Spicy, Soy Sauce Cooking, Chop, Sweet Sour, Stir-Fried Condiment, Sarawak Rice Vermicelli)
3) AgroMas Premium Rice (Premium Rice 10 kg, Premium Rice 5 kg)
4) AgroMas Acacia Honey
5) AgroMas Gelam Honey (Melaleuca spp)
6) AgroMas Trigona Honey (Stingless Bee)
7) AgroMas Fried Onions

In-Store Promotion Programme in the Major Supermarket Chains and Local Outlets

In 2014, the in-store promotion programme was implemented in the major supermarket chains and local outlets to support the sales and the promotion of AgroMas products. Among the promotional activities were, giving out food samples to clients, giving price discounts for the products and distribution of product promotion leaflets. As for the distribution of product leaflets, FAMA had the cooperation of Giant to print and distribute the leaflets to all the Giant Hypermarket outlets throughout Peninsular Malaysia. This activity was carried out four times in the year namely early in the year, during the Aldifitri and Aidiladha festival season as well as at the end of the year. The Stock Keeping Units involved in the promotion programme were 30 units.

At the same time, Giant had placed the Agromas products at various strategic locations for promotional purposes such as at the wing, block and gondola - end. This was to give positive impact towards the implementation of the programme.

Pembangunan *Outlet* Runcit

Outlet peruncitan FAMA yang dikenali sebagai Agrobazaar, FR Shoppe dan FF Lazaria yang merupakan entiti milik FAMA. *Outlet-outlet* ini ditubuhkan sebagai pusat jualan bagi produk-produk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) hasil keluaran tempatan serta menjadi pusat sehenti (*one-stop center*) bagi pengguna untuk mendapatkan produk-produk yang berasaskan pertanian secara terus kepada pengguna dengan tawaran harga berpatutan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 9,245 SKU produk dijual di semua rangkaian *outlet* runcit melibatkan pembekalan dari 427 usahawan IKS tempatan dengan nilai jualan yang direkodkan sebanyak RM9.16 juta.

AGROBAZAAR MALAYSIA DI SINGAPURA

Agrobazaar Malaysia ditubuhkan bertujuan untuk mempromosikan buah-buahan tempatan dan barangan berasaskan pertanian di peringkat antarabangsa. Agrobazaar Malaysia telah beroperasi secara rasmi pada 1 Ogos 2014 bertempat di Lot 37-43, Sultan Gate, Singapura.

Majlis Pembukaan Agrobazaar Malaysia di Singapura telah diadakan pada 27 Ogos 2014 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong. Singapura dipilih sebagai pintu masuk agrobazar FAMA ke pasaran antarabangsa kerana ia adalah pasaran utama bagi produk makanan pertanian Malaysia. Sehingga 31 Disember 2014, Agrobazaar Malaysia mempunyai 226 sku di dalam premis dan mensasarkan produk Asas Tani dipertingkatkan sehingga 400 SKU pada tahun hadapan.

Development of Retail Outlet

FAMA retail outlets known as Agrobazaar, FR Shoppe and FF Lazaria are FAMA owned entities. These outlets were established as sales centre for locally produced SME products as well as a one-stop centre for clients to buy agro-based products directly at reasonable prices. Throughout 2014, some 9,245 SKU products were sold in the outlets which involved supplies from 427 local entrepreneurs with sales valued at RM9.16 million.

AGROBAZAAR MALAYSIA IN SINGAPORE

The Agrobazaar Malaysia was established to promote local fruits and agro-based products at the international level. Agrobazaar Malaysia commenced operations officially on 1 August 2014 located at Lot 37 - 43, Sultan Gate, Singapore.

The official Opening Ceremony of Agrobazaar Malaysia in Singapore was held on 27 August 2014 officiated together by Prime Minister YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak and Singapore Prime Minister Lee Hsien Loong. Singapore was selected to spearhead Agrobazaar FAMA to a wider international market because Singapore is the major market for agro-based food products of Malaysia. Up to 31 December 2014, Agrobazaar Malaysia had 226 stock keeping units at its premises and has targeted a total of 400 agro-based product units in the following year.



Majlis Perasmian Agrobazaar Malaysia di Singapura pada 27 Ogos 2014
Official Opening Ceremony of Agrobazaar Malaysia in Singapore on 27 August 2014

PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN
SUPPLY CHAIN MANAGEMENT

Antara program yang dilaksanakan dalam aspek pengurusan rantaian bekalan adalah seperti program Pasar Tani, Gerai Buah-buahan Segar (GBBS), Motosikal Tiga Roda, Agro Bazaar Kedai Rakyat dan Pasar Komuniti & Karavan (PAKAR).

Among the programmes implemented from the supply chain management aspect were programmes such as Pasar Tani, Fresh Fruit Stalls (GBBS), Three-Wheeled Motorcycle, Agro Bazaar Kedai Rakyat, Community and Caravan Market (PAKAR).

Pasar Tani

Bilangan pembukaan Pasar Tani baru adalah sebanyak 60 buah pada tahun 2014 dan ini menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 577 buah yang melibatkan 25,607 usahawan. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM743 juta. Prestasi pencapaian Pasar Tani mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 25**.

Pasar Tani (Farmers' Market)

*Up to December 2014 with the opening of 60 new Pasar Tani markets bringing the overall total to 577 Pasar Tani markets in operation throughout Malaysia involving 25,607 entrepreneurs. Total sales recorded amounted to RM743 million. The details of the Pasar Tani Programme by State are shown in **Table 25**.*

Jadual 25 : Prestasi pencapaian Pasar Tani Mengikut Negeri Pada Tahun 2014
Table 25 : Achievement Performance of Pasar Tani by State, 2014

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	BIL. PASAR TANI *NO. OF PASAR TANI*	BIL. PESERTA *NO. OF PARTICIPANTS*	NILAI JUALAN *SALES VALUE* (RM)
1.	Perlis *Perlis*	21	952	17,750,266
2.	Kedah *Kedah*	32	1,683	71,278,729
3.	Pulau Pinang *Penang*	17	554	10,034,410
4.	Perak *Perak*	37	1,449	34,190,407
5.	Selangor *Selangor*	66	2,608	172,427,301
6.	Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	48	1,852	33,203,701
7.	Melaka *Malacca*	38	1,252	11,588,159
8.	Johor *Johore*	76	2,543	73,140,707
9.	Kelantan *Kelantan*	37	1,915	31,756,652
10.	Pahang *Pahang*	52	2,486	61,324,343
11.	Terengganu *Terengganu*	25	1,684	38,404,774
12.	Sabah *Sabah*	43	2,261	16,858,082
13.	Sarawak *Sarawak*	63	2,651	83,262,329
14.	Wilayah *Federal Territory*	22	1,717	87,950,135
	JUMLAH / *TOTAL*	**577**	**25,607**	**743,169,995**

Pasar Tani Karavan

Bilangan Karavan Tani baru pada tahun 2014 adalah sebanyak 50 buah dan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 140 buah. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM14.86 juta.

Caravan Pasar Tani

There were 50 new Caravans launched in 2014 bringing the overall total to 140 units. The total sales value recorded was RM14.86 million.

Imej baru Karavan Tani
Pasar Tani Caravan New Image

Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)

Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) merupakan program pembangunan usahawan pemasar buah-buahan tempatan di seluruh negara. Melalui program ini, gerai buah-buahan milik usahawan akan dinaiktaraf oleh FAMA dengan menampilkan imej gerai yang menarik, teratur, kemas dan peragaan yang seragam.

Bilangan GBBS baru pada tahun 2014 adalah sebanyak 101 buah menjadikan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 516 buah dengan penglibatan seramai 455 usahawan. Nilai jualan bagi keseluruhan GBBS adalah sebanyak RM274 juta pada tahun 2014 berbanding RM269 juta pada tahun 2013.

Jenis-Jenis Gerai GBBS yang Dibangunkan

1) GBBS Separa Kekal (berbumbung kanopi kanvas bersaiz 20' x 20' seunit)
2) GBBS Separa Kekal (berbumbung jenis metal deck bersaiz 20' x 20' seunit)
3) GBBS Kekal (bangunan kekal atau lot kedai)

Fresh Fruit Stall (GBBS)

The Fresh Fruit Stall (GBBS) is a programme to develop marketing entrepreneurs for local fruit distribution throughout Malaysia. Through this programme the fruit stalls owned by entrepreneurs will be upgraded by FAMA potraying a new image that is attractive, well- organized, compact and with standardized decor'.

In 2014, a total of 101 new GBBS had been developed, bringing the overall total to 516 units to date involving 455 entrepreneurs. The sales value for all the GBBS amounted to RM274 million in 2014 compared to RM269 million in 2013.

The Various Types of GBBS Stalls Developed

1) *Semi Permanent GBBS (covered by canvas canopy measuring 20' x 20' each unit)*
2) *Semi Permanent GBBS (covered by metal deck type measuring 20' x 20' each unit)*
3) *Permanent GBBS (permanent building or shop lot)*

GBBS Separa Kekal (Berbumbung kanopi kanvas kanopi bersaiz 20' x 20')
Semi Permanent GBBS (canvas canopy cover 20' x 20')

GBBS Separa Kekal (Berbumbung metal deck bersaiz 20' x 20') GBBS Konsep Metal Deck. Lokasi di Tanjung Malim, Perak
Semi Permanent GBBS (metal deck cover 20' x 20') Located at Tanjung Malim, Perak

Medan GBBS Separa Kekal (berbumbung metal deck) berkonsepkan Medan. Lokasi di Ulu Pauh, Perlis
Semi Permanent GBBS Court (metal deck cover) court concept. Located at Ulu Pauh, Perlis

Medan GBBS (Berbumbung kanopi bersaiz 20' x 20' setiap unit) Lokasi di Simpang Empat, Perlis
GBBS Court (covered with canopy measuring 20' x 20' each unit) Located at Simpang Empat, Perlis

GBBS Kekal di bangunan lot kedai
Lokasi di Tambun, Ipoh, Perak
Permanent GBBS in shop lot located at Located Tambun, Ipoh, Perak

Projek Motosikal Tiga Roda (M3R)

Projek Usahawan Peraih Motosikal Tiga Roda adalah projek pembangunan bagi menaik taraf peraih-peraih sedia ada dan menjadi agen pemasaran FAMA. Projek ini bermula sejak tahun 2009 dengan penglibatan peraih seramai 75 orang dan bilangan telah meningkat seramai 508 orang pada tahun 2014. Bilangan peraih yang menerima Motosikal Tiga Roda mengikut negeri bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 26**. Nilai jualan terkumpul yang direkodkan melalui program ini sehingga tahun 2014 adalah sebanyak RM22.95 juta.

Three-Wheeled Motorcycle Project

*Three-Wheeled Motorcycle Project is a development project with the objective of upgrading the small traders at the farm level to be the marketing agents of FAMA. The project was started in 2009 with an initial involvement of 75 small traders and the number grew to 508 traders in 2014. The number of traders who received the three-wheeled motorcycles by each state for the year 2009 until 2014 as shown in **Table 26**. The cumulative sales value recorded through this programme until the year 2014 amounted to RM22.95 million.*

Jadual 26 : Jumlah Agihan Motosikal Tiga Roda Tahun 2009 hingga 2014
Table 26 : Distribution of Three-Wheeled Motorcycles from 2009 until 2014

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	TAHUN *YEAR*						JUMLAH KESELURUHAN *GRAND TOTAL*
		2009	2010	2011	2012	2013	2014	
1.	Perlis *Perlis*	4	10	0	4	10	6	34
2.	Kedah *Kedah*	11	18	7	4	3	5	48
3.	Pulau Pinang *Penang*	0	5	0	3	5	2	15
4.	Perak *Perak*	5	10	5	8	18	2	48
5.	Selangor *Selangor*	18	16	16	6	13	6	75
6.	Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	6	10	3	4	14	6	43
7	Melaka *Malacca*	4	6	7	4	5	2	28
8.	Johor *Johore*	5	11	1	14	7	4	42
9.	Pahang *Pahang*	8	11	0	2	14	8	43
10.	Terengganu *Terengganu*	4	8	4	13	0	3	32
11.	Kelantan *Kelantan*	6	6	7	4	16	9	48
12.	Sabah *Sabah*	2	6	0	12	0	6	26
13.	Sarawak *Sarawak*	2	2	0	7	9	6	26
	JUMLAH / *TOTAL*	**75**	**119**	**50**	**85**	**114**	**65**	**508**

En. Kasa bin Awang telah memperolehi peningkatan pendapatan sebanyak 67 peratus kepada RM3,000 selepas menyertai Program M3R
Mr. Kasa Bin Awang had 67 percent increase in income to RM3000 after participating in the Three-Wheeled Motorcycle Programme

Puan Khatijah binti Abdul Rahman telah memperolehi peningkatan pendapatan sebanyak 73 peratus kepada RM2,600 selepas menyertai Program M3R
Madam Khatijah binti Abdul Rahman had 73 percent increase in income to RM2,600 after participating in the Three-Wheeled Motorcycle Programme

Projek Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR)

Projek AKR adalah merupakan perniagaan milik usahawan di premisnya sendiri yang dinaiktaraf dengan menampilkan imej yang menarik, tersusun, kemas dan seragam di seluruh negara. Pada tahun 2014, sebanyak 60 buah AKR baru (2013: 53 buah) telah dibangunkan menjadikan jumlah keseluruhannya 309 buah. Nilai jualan yang direkodkan bagi keseluruhan AKR pada tahun 2014 adalah sebanyak RM203 juta berbanding RM166.23 juta bagi tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 22 peratus. Bilangan AKR yang telah dibangunkan mengikut negeri bagi tahun 2009 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 27**.

Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR)

*Agro Bazaar Kedai Rakyat is a business premises owned by entrepreneurs, which has been upgraded and displaying an image that is attractive, organized, compact with a standardized design and decor throughout the country. In 2014, a total of 60 new AKR (2013:53 units) had been successfully developed bringing the overall total of AKR developed to 309 units. The sales value recorded through this programme amounted to RM203 million in 2014 compared to RM166.23 million in 2013, a 22 percent oncrease. The number of AKR units that had been developed from Year 2009 to 2014 is shown in **Table 27**.*

Jadual 27 : Bilangan Agro Bazaar Kedai Rakyat yang Dibangunkan Mengikut Negeri bagi Tahun 2009 hingga 2014
Table 27 : Number of AKR Developed By State 2009 - 2014

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	BILANGAN AGRO BAZAAR KEDAI RAKYAT *NUMBER OF AGRO BAZAAR KEDAI RAKYAT (AKR)*						JUMLAH *TOTAL*
		2009	2010	2011	2012	2013	2014	
1.	Perlis *Perlis*	2	1	2	5	3	3	16
2.	Kedah *Kedah*	5	6	8	6	1	6	30
3.	Pulau Pinang *Penang*	2	1	2	2	2	2	11
4.	Perak *Perak*	5	1	5	6	7	14	38
5.	Selangor *Selangor*	6	3	3	4	2	4	21
6.	Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	2	1	3	4	3	1	14
7	Melaka *Malacca*	3	0	1	2	4	3	13
8.	Johor *Johore*	3	9	5	10	6	2	35
9.	Pahang *Pahang*	2	1	3	5	3	11	25
10.	Terengganu *Terengganu*	1	10	1	1	3	2	18
11.	Kelantan *Kelantan*	6	8	3	1	6	6	30
12.	Sabah *Sabah*	3	6	11	10	9	3	42
13.	Sarawak *Sarawak*	1	1	3	5	4	3	16
	JUMLAH / *TOTAL*	**41**	**48**	**50**	**61**	**53**	**60**	**309**

Perluasan Peranan Program Agro Bazaar Kedai Rakyat (AKR)

1) Selain daripada pengedaran barang kawalan, projek AKR juga membantu pengedaran produk barangan KR1M.
2) Menjadi pusat pengedaran bagi produk di bawah program 1Malaysia 1Harga (1M1H)/Mobile KR1M bagi kawasan setempat di negeri Sabah dan Sarawak dengan Program AKR Mobile KR1M.
3) Akses langsung sebagai outlet sokongan bagi program Jimat Belanja Dapur (JBD).
4) Akses langsung seiringan dengan hasrat Kerajaan dalam mengurangkan lapisan orang tengah.
5) Perluasan ke kawasan liputan ke bandar-bandar melalui Program AKR Bandar.

Expanded Role of Agro Bazaar Kedai Rakyat Programme

1) Other than the distribution of controlled goods, AKR also assists in the distribution of KR1M products.
2) Acts as the distribution centre for products under 1 Malaysia 1 Price Programme (1M1H)/Mobile KR1 M for the local regions in Sabah and Sarawak.
3) Direct access as support outlet for Save Kitchen Expenses Programme (JBD).
4) Direct access in line with the government's intention to reduce the layers of middlemen.
5) Expansion of the coverage to urban centres through the Urban AKR Programme.

AKR Bandar Sebelum Naiktaraf
Urban AKR before Upgrading

Selepas Naik Taraf
Nama Usahawan : Mat Rani Bin Junoh
After Upgrading
Entrepreneur's Name: Mat Rani Bin Junoh

Projek Pasar Komuniti & Karavan (PAKAR)

PAKAR merupakan salah satu di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Antara objektif utama penubuhan adalah untuk membangunkan dan mentransformasikan kumpulan kluster pasar penjaja di jalanan/bergerak/sementara dengan penyediaan kompleks operasi penjajaan berbumbung dan berjadual/bergiliran mengikut kluster dengan tag line 'Penjajaan di bawah 1 BUMBUNG 1 MALAYSIA' (P1B1M). Sepanjang tahun 2014, nilai jualan yang direkodkan oleh lapan buah PAKAR yang beroperasi adalah sebanyak RM76 juta.

Community Market and Caravan Market (PAKAR)

PAKAR is one of the projects under the Economic Transformation Programme (ETP). Among the objectives of PAKAR Programme was the development and transformation of cluster group of hawkers in the streets / mobile/temporary and placing them under covered business operation complexes by clusters with the tagline Business under '1 ROOF 1 MALAYSIA' (P1BM). Throughout 2014, the recorded sales value by 8 PAKAR units in operation amounted to RM76 million.

Pameran Projek Akhir dan Pertandingan Inovasi Pelajar Anjuran Politeknik Cawangan Kota Kinabalu di PAKAR Kota Belud, Sabah pada 16 Mac 2014
Final Project Exhibition and Student Innovation Competition Organized by Polytechnic Kota Kinabalu Branch at PAKAR Kota Belud on 16 March 2014

Pasar Komuniti Manjung boleh digunakan sebagai lokasi untuk mengadakan majlis perkahwinan pada 5 Mei 2014
Manjung Community Market used as the location for marriage reception as held on 5 May 2014

Kursus Penyembelihan yang dianjurkan oleh Pejabat Baitulmal Manjung, Perak pada 30 September 2014
Animal Slaughtering Course organized by Bait-ul-Mal Office, Manjung, Perak on 30 September 2014

Program MYAGROSIS

Kelab MYAGROSIS adalah sebuah program inisiatif daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah beroperasi sejak tahun 2012 di mana penubuhan ini adalah melalui dasar *New Blue Ocean Strategy* (NBOS). Kelab ini diwujudkan untuk melahirkan usahawan siswazah tani yang lebih dinamik, moden dan berdaya saing melalui pendedahan awal yang diberikan kepada para pelajar dalam melaksanakan projek dan aktiviti yang berasaskan pertanian dan perniagaan. Antara projek di bawah program MYAGROSIS adalah:

- Agroniaga (K–Shoppe/Kopie Satu)
- AgroLadang dan AgroInovasi IPTA/ILP
- K–Shoppe Agropreneur
- Karavan Tani Agropreneur
- Inkubasi

FAMA telah melahirkan seramai 366 orang usahawan siswazah tani MYAGROSIS daripada IPTA dan ILP sehingga tahun 2014. Penglibatan usahawan tersebut adalah meliputi beberapa bidang utama seperti industri asas tani, tanaman, ternakan dan lain–lain. Pecahan bilangan usahawan MYAGROSIS di bawah bimbingan FAMA mengikut negeri adalah seperti **Jadual 28**.

MYAGROSIS Programme

MYAGROSIS Club is a programme that was developed through the policy of the ` New Blue Ocean Strategy (NBOS) between two ministries, namely Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry Malaysia and Ministry of Education Malaysia, which has been in operation since 2012. The Club was formed with the aim to produce graduate agro-entrepreneurs who are modern, dynamic and competituve by way of giving early exposure to students in the implementation of agro-based projects and activities as well as agri business activities. Among the projects under the MYAGROSIS Programme are:

- *AgroBusiness (K-Shoppe/Kopie Satu)*
- *AgroFarm and AgroInnovation IPTA/ILP*
- *K-Shoppe Agropreneur*
- *Farm Produce Caravan Agropreneur*
- *Incubation*

*Until the end of 2014, FAMA had produced a total of 366 MYAGROSIS graduate agri entrepreneurs from IPTA and ILP. The involvement of the said entrepreneurs had covered the various major scopes of agro-based industry, crops, livestock and others. The breakdown of the number of MYAGROSIS entrepreneurs under the guidance of FAMA by State is as shown in **Table 28**.*

Jadual 28: Bilangan Usahawan MYAGROSIS di bawah Bimbingan FAMA Mengikut Negeri bagi Tahun 2013 dan 2014
Table 28 : Number of MYAGROSIS Entrepreneurs Under The Guidance of FAMA By State for the Year 2013 and 2014

BIL. *NO.*	NEGERI *STATE*	BILANGAN (USAHAWAN) *NO. OF ENTREPRENEURS*	
		2013	2014
1.	Perlis *Perlis*	5	1
2.	Kedah *Kedah*	14	25
3.	Pulau Pinang *Penang*	6	10
4.	Perak *Perak*	11	3
5.	Selangor / Wilayah Persekutuan *Selangor / Federal Territory*	39	50
6.	Negeri Sembilan *Negeri Sembilan*	5	6
7.	Melaka *Malacca*	11	39
8.	Johor *Johore*	26	25
9.	Terengganu *Terengganu*	11	11
10.	Pahang *Pahang*	20	6
11.	Kelantan *Kelantan*	16	12
12.	Sabah *Sabah*	6	5
13.	Sarawak *Sarawak*	0	3
	JUMLAH / *TOTAL*	**170**	**196**
	JUMLAH KESELURUHAN *GRAND TOTAL*	**366 ORANG**	

Jumlah terkumpul keahlian Kelab MYAGROSIS bagi seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) / Institut Latihan Perindustrian (ILP) telah meningkat sebanyak 24.3 peratus pada tahun 2014 (2013:6,774 orang). Daripada jumlah, seramai 5,352 orang adalah di bawah komponen FAMA manakala selebihnya adalah keahlian daripada komponen lain. Perincian keahlian adalah seperti di **Rajah 5**.

*The cumulative number of members enrolled in the MYAGROSIS CLUB for all the Public Institutions of Higher Education (IPTA)/ Industrial Training Institute (ILP) had increased 24.3 percent in 2014 (2013:6,774 members). From this total, the number under the FAMA component was 5,352 members while the others were from various other components. The breakdown is shown in **Diagram 5**.*



Rajah 5 : Pecahan Keahlian Kelab MYAGROSIS di IPTA/ ILP bagi tahun 2014
Diagram 5 : Breakdown of MYAGROSIS Club Membership at IPTA/ILP for the Year Year 2014

Projek Agroniaga (K-Shoppe/KopieSatu)

Menerusi Projek K-Shoppe/KopieSatu di IPTA/ILP, ahli kelab MYAGROSIS dapat menceburkan diri dalam bidang perniagaan dengan kerjasama FAMA yang telah memberi pendedahan ilmu pengurusan dan pentadbiran perniagaan secara praktikal.

Sehingga Disember 2014, sebanyak 41 buah K-Shoppe telah beroperasi berbanding 31 buah pada tahun 2013. Senarai projek AgroNiaga (K-Shoppe/KopieSatu) adalah seperti di **Jadual 29**.

AgroBusiness Project (K-Shoppe/KopieSatu)

Through the K-Shoppe/KopieSatu Projects at the IPTA/ILP, the members of MYAGROSIS were able to engage themselves actively in the business field with the cooperation of FAMA which has given exposure to practical knowledge in administration and business management.

*As at December 2014, forty one K-Shoppes were in operation compared to 31 units in 2013. The list of AgroBusiness (K-Shoppe/KopieSatu) Projects is as shown in **Table 29**.*

Jadual 29 : Senarai Projek AgroNiaga (K-Shoppe/ KopieSatu) yang Beroperasi di IPTA/ ILP bagi Tahun 2013 dan 2014
Table 29 : *List of AgroBusiness Projects (K-Shoppe/KopieSatu) in Operation at IPTA/ILP for the Year 2013 and 2014*

INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM/ INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (IPTA/ILP) *PUBLIC INSTITUTES OF HIGHER LEARNING / INDUSTRIAL TRAINING INSTITUTES (IPTA/ILP)*	BILANGAN PROJEK AGRONIAGA (K-SHOPPE/KOPIESATU) *NO. OF AGROBUSINESS (K-SHOPPE/KOPIESATU)*	
	TAHUN *YEAR*	
	2013	2014
IPTA *IPTA*	12	17
UiTM dan UNIMAS *UiTM and UNIMAS*	11	13
ILP *ILP*	8	11
JUMLAH / *TOTAL*	**31**	**41**

Projek Agroniaga (K-Shoppe/KopieSatu)
AgroBusiness Project (K-Shoppe/KopieSatu)

UiTM Puncak Alam, Selangor
UiTM Puncak Alam, Selangor

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, TEKUN
International Islamic University Malaysia, TEKUN

Universiti Malaya (UM), MARDI
University of Malaya (UM), MARDI

Projek AgroLadang IPTA/ILP

Sehingga Disember 2014, sebanyak 46 projek AgroLadang yang dilaksanakan oleh FAMA dan IPTA/ILP. Bagi projek tanaman yang terlibat adalah tanaman fertigasi cili kulai, pisang dan jagung. Bagi projek ternakan dan akuakultur adalah seperti ternakan ayam, ikan keli serta tilapia. Manakala bagi projek AgroInovasi pula, sebanyak 13 projek yang telah dilaksanakan antaranya tanaman bunga landskap dan seni batik agro.

Projek K-Shoppe Agropreneur

Projek K-Shoppe Agropreneur merupakan satu projek untuk membangunkan usahawan belia dalam memasarkan produk-produk Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS). Menerusi projek ini, FAMA berperanan untuk membantu usahawan dari segi pinjaman peralatan dan pemasaran produk.

Projek Karavan Tani Agropreneur

Program Karavan Tani Agropreneur memberi tumpuan kepada usahawan belia ataupun siswazah yang berminat untuk menjalankan perniagaan peruncitan secara bergerak. Di samping itu, projek ini juga dapat membantu meningkatkan pendapatan dan taraf hidup usahawan belia tani.

Projek Inkubasi

Projek Inkubasi merupakan pembelajaran lanjutan daripada program MYAGROSIS bagi meneruskan latihan di peringkat lapangan yang berasaskan kepada perniagaantani. Sehingga Disember 2014, seramai 149 orang peserta yang telah mengikuti projek ini dan daripada jumlah tersebut sebanyak 85 buah syarikat telah ditubuhkan dengan penglibatan seramai 48 orang peserta.

Project AgroFarm IPTA/ILP

Until December 2014, FAMA and IPTA/ILP have implemented 46 AgroFarm projects. The crops involved were kulai chilli crop fertigation, bananas and corn. Under the livestock and aquaculture project section were chicken, catfish and tilapia rearing. Under the AgroInnovation project, thirteen projects were implemented and among them were landscape flower growing and agro batik art.

K- Shoppe Agropreneur Project

The K-Shoppe Agropreneur Project was a project to develop youth entrepreneurs in the marketing of Small and Medium Enterprises (SME) products. Under this project, the role of FAMA was to assist entrepreneurs to obtain loans for equipments and for marketing the product.

Farm Produce Caravan Agropreneur Project

The Farm Produce Caravan Agropreneur Programme had been focused on interested youth entrepreneurs or graduates to undertake mobile retail business. At the same time this project would also assist the youth entrepreneurs involved in farming to increase their income and standard of living.

Incubation Project

Incubation Project was an advanced learning programme under the MYAGROSIS programme for continued agri based training on the ground level. Until December 2014, a total of 149 participants had followed the project and out of this total, 85 companies were established which involved 48 participants.

PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTC)

RTC GOPENG, PERAK

RURAL TRANSFORMATION CENTRE (RTC)

RTC GOPENG, PERAK

RTC merupakan satu pusat yang menjadi nukleas kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program oleh pelbagai kementerian secara kerjasama bagi tujuan pembangunan penduduk luar bandar.

The Rural Transformation Centre (RTC) forms the nucleas for the development of the rural population through an integrated approach in the implementation of various initiatives and programmes by the various Ministries.

Sebanyak lapan inisiatif utama RTC sedang dan akan dilaksanakan oleh pelbagai kementerian / jabatan dan agensi yang berkaitan bagi membangunkan kawasan luar bandar. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah:-

i. Latihan Kemahiran Kepada Penduduk Luar Bandar – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
ii. Penubuhan Kios Informasi 1Malaysia – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
iii. Pertanian Bernilai Tinggi – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
iv. Pemprosesan Produk Agro-Makanan – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
v. Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Pertanian – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
vi. Kerjasama Universiti – Kementerian Pendidikan
vii. Perkhidmatan Kesihatan 1Malaysia – Kementerian Kesihatan
viii. Kemudahan Pembiayaan Kewangan – Kementerian Kewangan

There are 8 main initiatives of RTC being implemented presently and in the future by the relevant Ministries/ Departments and Agencies for the development of the rural areas. The initiatives are as follows:-

i) Skills Training for the Rural Population - Ministry of Rural and Regional Development;
ii) Establishment of 1 Malaysia Information Kiosks - Ministry of Rural and Regional Development;
iii) High Value Agriculture - Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry;
iv) Processing of Agro- Food Products - Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry;
v) Agriculture Supply Chain Management - Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry;
vi) Cooperation with Universities - Ministry of Education;
vii) 1 Malaysia Health Services - Ministry of Health;
viii) Financing Facilities - Ministry of Finance

Pemprosesan Putu Perak di RTC
Processing Perak Putu (a traditional Perak delicacy made from flour) at RTC

Antara perkhidmatan perbankan yang disediakan di RTC Perak
Among the banking facilities available at RTC Perak

Jualan Karnival IAT dan Kraftangan di RTC Gopeng, Perak
Carnival Agro-Based Industries and Handicrafts at RTC Gopeng, Perak

Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 81 lot telah digunakan melibatkan seramai 51 orang peserta dan prestasi urusniaga yang direkodkan sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak RM141.25 juta.

RTC KOTA BHARU, KELANTAN

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kota Bharu, Kelantan menyediakan pelbagai perkhidmatan kerajaan, swasta dan aktiviti perniagaan untuk kemudahan orang ramai berurusan di sini. Antara aktiviti utama yang dijalankan pada tahun 2014 di RTC Kelantan iaitu:-

1) Pesta Orkid dan Flora
2) Karnival Industri Asas Tani
3) Jualan Khas Aidilfitri
4) Pesta Makanan Popular

Menerusi aktiviti yang dijalankan, nilai urusniaga yang direkodkan adalah sebanyak RM284.41 juta.

As at 31 December 2014, as much as 81 lots were used involving a total of 51 participants and the trading performance recorded for the whole year (2014) was RM141.25 million.

RTC KOTA BHARU, KELANTAN

The Rural Transformation Centre (RTC) Kota Bharu, Kelantan provides various government and private sector services as well as trading activities to facitate dealings by the public. Among the major activities carried out at the centre in 2014 are:-

1) Fiesta Orchid and Flora
2) Agro-Based Industry Carnival
3) Special Aidifitri Sales
4) Popular Dishes Fiesta

Through the activities that had been carried out, the trading value recorded amounted to RM284.41 million.

REGULATORI
REGULATORY

Tanggungjawab utama Bahagian Regulatori adalah untuk memastikan keluaran pertanian yang dipasarkan bagi pasaran domestik dan antarabangsa berkualiti dan mencapai standard yang ditetapkan di dalam Peraturan *Grading, Packaging and Labelling* (GPL).

Pada tahun 2014, sebanyak 10 FAMA Standard (FS) telah diperakui menjadikan jumlah keseluruhan FS sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 77 standard. Berikut adalah 10 FS yang telah diperakui:-

1) FS026 : 2014 – Peria (Ulangkaji Pertama)
2) FS007 : 2014 – Kubis Bulat (Ulangkaji Pertama)
3) FS062 : 2014 – Petai
4) FS085 : 2014 – Daun Ketumbar
5) FS063 : 2014 – Kacang Tanah
6) FS061 : 2014 – Bunga Kantan
7) FS084 : 2014 – Kunyit
8) FS072 : 2014 – Lobak Putih
9) FS079 : 2014 – Parsli
10) FS081 : 2014 – Keladi

Dalam memperkasakan pematuhan peraturan GPL dan pemahaman berkenaan kualiti dan standard, FAMA telah bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia melalui siri seminar dan bengkel yang telah diadakan sepanjang tahun 2014.

Pengukuhan MALAYSIA'S BEST

Penjenamaan MALAYSIA'S BEST yang berkonsepkan "Kualiti dan Keselamatan Makanan" menjadikannya satu jenama yang menjadi pilihan di pasaran domestik dan antarabangsa. Antara pameran yang telah disertai oleh FAMA sepanjang tahun 2014 adalah:–

1) Pameran GPL sempena D'Agri 2014
2) Pameran GPL sempena Majlis Pelancaran Tagline MyGAP
3) Pameran GPL sempena MAHA 2014

The main responsibility of the Regulatory Division was to ensure that the agricultural produce marketed in the domestic and international markets achieve quality standards set out in the Grading, Packaging and Labelling (GPL) Regulations.

During the year 2013, total of 10 FAMA Standards (FS) had been certified bringing the total FS as at 31 December 2014 to 77 Standards. The 10 FAMA Standards that were certified are as follows:-

1) FS 026 : 2014 - Bitter Gourd (First Review)
2) FS 007 : 2014 - Round Cabbage (First Review)
3) FS 062 : 2014 - Twisted Cluster Bean (Parkova speciosa)
4) FS 085 : 2014 - Coriander Leaves
5) FS 063 : 2014 - Groundnut
6) FS 061 : 2014 - Torch Ginger Flower (Etlingera elatior)
7) FS 084 : 2014 - Turmeric
8) FS 072 : 2014 - White Radish
9) FS 079 : 2014 - Parsley
10) FS 081 : 2014 - Yam/Taro

In the course of strengthening GPL Regulation compliance and understanding the quality and standards, FAMA with the cooperation of the Department of Standards Malaysia had organized series of Seminars and Workshops throughout 2014.

Strengthening MALAYSIA'S BEST

The MALAYSIA'S BEST branding concept "Food Quality and Safety" had made it the brand of choice in the domestic and international market. Among the exhibitions participated by FAMA in 2014 are as follows:-

1) GPL Exhibition at Expo D'Agri 2014
2) GPL Exhibition at the Tagline MyGAP Launching Ceremony
3) GPL Exhibition at MAHA 2014

Program D'Agri 2014
Programme Expo D'Agri 2014

Lesen-lesen FAMA dilaksanakan adalah berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Disemak 1974 ["Akta 141"] seperti berikut:-

1) Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pelesenan Pengeksportan Buah-Buahan) 1990 [P.U. (A) 65/90]
2) Rancangan Pemasaran Kelapa 1973 [P.U. (B) 223/73]
3) Peraturan-Peraturan Pemasaran Sayur 1975 [P.U. (B) 80/75]
4) Rancangan Pemasaran Kopi (diwartakan pada 30hb Disember, 1971) [P.U. (B) 446/71]

Sistem eSijil 3P

Konsep sistem elektronik (*web-based*) atau dikenali sebagai eSijil 3P adalah untuk mengautomasikan proses kerja penggredan, pembungkusan dan pelabelan bagi meningkatkan kecekapan proses pemeriksaan dan kelulusan perakuan pematuhan keluaran pertanian (*Certificate of Conformity* – COC). Sistem eSijil 3P secara *online* telah mula digunakan untuk kawalan import dan eksport hasil keluaran pertanian mulai pada 1 November 2011. Pada tahun 2014, sebanyak 113,412 pemohonan diterima daripada pengeksport dan 74,071 permohonan pula diterima daripada pengimport melalui sistem ini.

Penggredan FAMA *Kuala Lumpur International Airport* (KLIA)

Salah satu daripada fungsi Bahagian Regulatori adalah melaksanakan pemeriksaan dan pengesahan komoditi yang akan dieksport mengikut standard piawaian yang ditetapkan. Antara aktiviti utama telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah:-

i. Melaksanakan pengesahan gred pengeluaran pertanian terpilih.
ii. Membangunkan/mengkaji semula sistem pemeriksaan.
iii. Menyedia, mengkaji dan mengemaskini manual penggredan.
iv. Membangun dan melaksanakan Sistem Kawal Atur Kendiri Untuk Entiti Terkawal (*Self-Regulated by Regulated Entites*).
v. Melaksanakan Audit bagi pengeksport SRBRE (*Self-Regulated by Regulated Entites*).

Di samping menjalankan tanggungjawab utama, bahagian ini juga menjalinkan hubungan dua hala di peringkat antarabangsa untuk perkongsian pengetahuan dan perluasan rangkaian pasaran. Berikut adalah siri kerjasama dua hala Antara FAMA dan negara yang terlibat iaitu:-

- *Malaysia – Thailand (Consultation Meeting on Cooperation in Plant Quarantine Activities at the Thai and Msia Borders).*
- *Malaysia – Singapore Bilateral Meeting on Agriculture & Task Force for Fresh Produce Meeting.*
- *Malaysia – Australia Agriculture Cooperation Working Group (MAACWG) & Malaysia – Aust Free Trade Agreement Sanitary & Phytosanitary Working Group (MAFTA SPSWG).*
- *Malaysia – China Technical Bilateral Cooperation Meeting on SPS for Plant.*
- *Malaysia – Indonesia (Technical Working Group (TWG) Meeting on Food Crops and Horticulture Malaysia – Republic of Indonesia).*

The FAMA Licenses implemented were in accordance with the Regulations under the FAMA Act 1965 (Reviewed 1974 ["Act 141"] as follows:-

1) FAMA Regulations (Licensing the Export of Fruits) 1990 [P. U. (A) 65/90]
2) Coconut Marketing Scheme 1973 [P. U. (B) 223/73]
3) Vegetable Marketing Regulations 1975 [P. U. (B) 80/75]
4) Coffee Marketing Scheme (gazetted on 30 December, 1971) [P. U. (B) 446/71]

eSijil 3P System

The web-based concept or known as the eSijil 3P was to automate the work process of grading, packaging and labeling so as to increase efficiency in the process of checking and approving certificate of conformity (COC) for the agricultural produce. The eSijil 3P system began to be used online for the import and export of agricultural products regulation with effect from 1 November 2011. In 2014 applications for eSijil 3P system on the whole, amounted to 113,412 applications from exporters and 74,071 applications from importers.

Grading Operations at FAMA KLIA

One of the function of the Regulatory Division at this centre is to inspect and verify the commodity exported is in accordance with the quality standard set. Among the main activities carried out in 2014 are as follows:-

i. Verification of grades of selected agricultural products.
ii. Developing and reviewing the grading system.
iii. Preparing, reviewing and updating the grading manual.
iv. Developing snd implementing the Self-Regulated by Regulated Entities System
v. Implementing the Self-Regulated by Regulated Entities (SRBRE) Audit.

In addition to carrying out its main responsibity, the Division had also established bilateral relationships at the international level for sharing of knowledge and expansion of market network. The following are the series of bilateral cooperation between FAMA and the countries involved:-

- *Malaysia - Thailand (Consultation Meeting on Cooperation in Plant Quarantine Activities at the Thai and Malaysia Borders)*
- *Malaysia - Singapore Bilateral Meeting on Agriculture & Task Force for Fresh Produce Meeting.*
- *Malaysia - Australia Agriculture Cooperation Working Group (MAACWG) & Malaysia - Australia Free Trade Agreement Sanitary & Phytosanitary Working Group (MAFTA SPSWG).*
- *Malaysia - China Technical Bilateral Cooperation Meeting on SPS for Plant*
- *Malaysia - Indonesia (Technical Working Group (TWG) Meeting on Food Croos and Horticulture Malaysia - Republic of Indonesia)*

PENDIDIKAN PEMASARAN DAN TRANSFORMASI
MARKETING EDUCATION AND TRANSFORMATION

Pada tahun 2014, Pendidikan Pemasaran FAMA terus memberi tumpuan kepada program-program latihan dan bimbingan kumpulan sasar berteraskan pakej-pakej latihan yang menepati kehendak semasa disamping menyokong penuh misi dan visi FAMA ke arah menerajui sektor pemasaran pertanian negara.

Sepanjang tahun 2014, FAMA telah melaksanakan beberapa program pendidikan pemasaran iaitu:-

i. **Program Pendidikan Pemasaran Kepada Kumpulan Sasar**
- Sebanyak 49 program telah dijalankan melibatkan jumlah peserta seramai 1,809 orang antaranya:-
  1) Seminar Pemasaran *Online* Usahawan Agromakanan Pulau Pinang
  2) Kursus Tektikal *E-marketing* Usahawan Agromakanan, FAMA Kelantan
  3) Kursus Asas Simpan Kira-kira dan Pengurusan Kewangan Peserta Medan Niaga Satok, Sarawak
  4) Kursus Pensijilan Halal dan Amalan Pengilangan Baik (GMP) Usahawan Tani, FAMA Negeri Sembilan

ii. **Program Pembangunan Modul Latihan dan Bimbingan**
- Berikut adalah modul yang dibangunkan:-
  1) Modul Umum Sayur Berdaun
  2) Modul Umum Sayur Berbuah
  3) Modul Umum Buah-buahan
  4) Modul Umum Kualiti & Gred

iii. **Program Penyediaan dan Pengukuhan Jurulatih Pemasaran (Tenaga Pengajar)**
- Seramai 30 orang pegawai/kakitangan FAMA telah mengikuti program ini iaitu:-
  1) Kursus *Train The Trainers* Keusahawanan
  2) Kursus *Train The Trainers* Pengurusan Peruncitan
  3) Kursus *Train The Trainers* Pengendalian Keluaran Pertanian Untuk Pasaran

In 2014 FAMA Marketing Education continued to be focused on training and guidance programmes for the target groups based on training packages that meet current needs while fully supporting the mission and vision of FAMA to lead the national agricultural marketing sector.

Throughout the year 2014, FAMA had implemented various marketing education programmes as follows:-

i. Marketing Education Programme to Target Groups
- *A total of 49 programmes were carried out involving 1,809 participants. Among the programmes were:-*
  1) *Penang Agrofood Entrepreneurs Online Marketing Seminar*
  2) *Course on Tactical E-Marketing for Agrofood Entrepreneurs, FAMA Kelantan*
  3) *Basic Bookeeping and Finance Management Course for Participants of Medan Niaga Satok, Sarawak*
  4) *Halal Certification Course and Good Manufacturing Practices (GMP) for Agri Entrepreneurs, FAMA Negeri Sembilan*

ii. Development of Training and Guidance Module Programme
- *The following are the modules that have been developed:-*
  1) *General Module on Leafy Vegetables*
  2) *General Module on Fruit Vegetables*
  3) *General Module on Fruits*
  4) *General Module on Quality and Grade*

iii. Programme on Training and Strengthening Marketing Coaches (Trainers)
- *a total of 30 FAMA officers/staff had followed the programme on:-*
  1) *Train the Trainers Entrepreneurship Course*
  2) *Train the Trainers Retail Management Course*
  3) *Course on Train the Trainers Handling Agri Produce for the Market*

Kursus *Train the Trainer's* pengendalian keluaran pertanian untuk pasaran – dengan kerjasama Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia
Course on Train the Trainers Handling Agri Produce for the Market – With the Cooperation of Agriculture Faculty University Putra Malaysia

MAKLUMAT PASARAN
MARKET INFORMATION

Bahagian Maklumat Pasaran memainkan peranan dalam membekalkan maklumat pertanian kepada kumpulan sasar. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan di bahagian ini iaitu Seminar *Walk-In* MAHA 2014, Pengumpulan Maklumat Pasaran, Analisis & Penyebaran dan Penyelidikan Pasaran.

Seminar *Walk-In* MAHA 2014

Seminar *Walk-In* MAHA 2014 telah diadakan pada 24 hingga 29 November 2014 di Tapak Ekspo MAHA (MAEPS), Serdang. Seminar yang bertemakan "Inovasi Pemasaran: Pemangkin Kejayaan Sektor Pertanian" dilaksanakan bagi memberi kefahaman mengenai peluang-peluang perniagaan dan inovasi teknologi terkini dalam pertanian di peringkat domestik dan antarabangsa.

Sebanyak 41 kertas kerja telah dibentangkan oleh penceramah jemputan iaitu empat orang penceramah dari peringkat antarabangsa dan 37 orang penceramah tempatan yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang pertanian, khususnya agromakanan dan agropelancongan, usahawan berjaya, wakil-wakil jabatan dan agensi termasuk kewangan dan pembiayaan, para penyelidik tempatan dan antarabangsa. Secara keseluruhannya penganjuran Seminar *Walk-In* MAHA 2014 pada kali ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 2,974 orang peserta berbanding 1,539 orang pada MAHA 2012 iaitu peningkatan sebanyak 93 peratus.

The Market Information Division plays its role in providing agriculture market information to target groups. Various activities were implemented by the Division and among them include Walk-In Seminar MAHA 2014, Collection of Market Information, Analysis & Dissemination as well as Market Research.

Walk-In Seminar MAHA 2014

The Seminar was held on 24 to 29 November 2014 at the Site of MAHA (MAEPS) Serdang. The Seminar with the theme "Marketing Innovation: Catalyst for Agricuture Sector Development" was held to provide an understanding of business opportunities and the latest technological innovations in agriculture at the domestic and international level.

There were 41 working papers delivered by invited speakers, of whom 4 were from overseas and 37 local speakers who were all experts in the field of agriculture particularly in agrofood and agrotourism, successful entrepreneurs, representatives from the Departments and Agencies including finance and funding, local and international researchers. The Walk-In Seminar MAHA 2014 had attracted 2,974 participants compared to 1,539 participants in MAHA 2012, an increase of 93 percent.

Pendaftaran Para Peserta
Registration of Participants

Para Peserta di Dalam Dewan Seminar
Participants in the Seminar Hall

Majlis Perasmian oleh Timbalan Ketua Pengarah FAMA mewakili Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
Opening Ceremony by Deputy Director-General FAMA representing The Minister of Agriculture and Agro-Based Industry

Gimik Perasmian Seminar *Walk-In* MAHA 2014
Gimmick Launching Walk-In Seminar MAHA 2014

Majlis Penutup oleh Ketua Pengarah FAMA
Closing Ceremony by Director-General FAMA

Penyampaian Cabutan Bertuah kepada Peserta
Presentation to Lucky Draw Winners

Pengumpulan Maklumat Pasaran

Aktiviti pengumpulan dan pemantauan maklumat harga dan bekalan adalah merangkumi keluaran pertanian terpilih di bawah seliaan FAMA. Antara aktiviti utama yang dijalankan oleh unit ini adalah:-

1) Pengumpulan harga keluaran pertanian terpilih
2) Pemantauan maklumat bekalan buah-buahan bermusim
3) Anggaran pengeluaran kobis bulat di Cameron Highlands
4) Pengutipan maklumat melalui pembekal maklumat di semua negeri di Malaysia
5) Penerbitan Warta Barangan dan *Market Extracts*

Analisis dan Penyebaran

Pada tahun 2014, unit Analisis dan Penyebaran menjalankan aktiviti seperti berikut:-

1) Menyediakan sebanyak 52 buah Laporan Harga Mingguan Senario Semasa Bekalan, Permintaan dan Harga Pasaran Bagi Komoditi Terpilih di Peringkat Ladang, Borong dan Runcit di Malaysia
2) Menghasilkan sebanyak 104 unit Jadual Harga Harian bagi item terpilih
3) Mengeluarkan sebanyak 156 unit Jadual Harga Purata Runcit Harian item Terpilih
4) Menyediakan maklumat harga bagi keperluan skim kawalan harga untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
5) Menyalurkan maklumat harga bagi penerbitan Buku Perangkaan Agromakanan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
6) Menerbitkan Buku Statistik Pemasaran FAMA, Buletin Tinjauan Pasaran Keluaran Hasil Pertanian & Produk Industri Asas Tani, Kalendar Buah-buahan Bermusim dan Risalah Fakta Profil Negara
7) Menyebarkan bahan maklumat berkenaan sektor pertanian melalui laman sesawang FAMA, extranet FAMA, *facebook* Bahagian Maklumat Pasaran, emel, faksimili, pos dan edaran secara langsung termasuk jualan bahan terbitan

Collection of Market Information

The activity of collecting and monitoring prices and supplies cover selected agricultural produce under the supervision of FAMA. Among the main activities carried out by the unit were:-

1) Price collection of selected agricultural produce
2) Monitoring supply information of seasonal fruits
3) Estimation of Round cabbage production in Cameron Highlands
4) Information gathering through information providers in all the states in Malaysia
5) Publication of Warta Barangan and Market Extracts

Analysis and Dissemination

In 2014, the Analysis and Dissemination Unit carried out activities as follows:-

1) Printing 52 Reports on Weekly Prices, Current Supply Scenario, Demand and Market Prices of Selected Commodities at the Farm, Wholesale and Retail Levels in Malaysia
2) Producing 104 units Schedule of Daily Prices of Selected Items
3) Issuing 156 units Schedule of Daily Average Retail Prices of selected items
4) Preparing price information for the use in the Price Control Scheme enforced by the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism (KPDNKK)
5) Channel price information for the printing of Agrofood Statistics by the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industryby the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry
6) Printing FAMA Marketing Statistics Book, Market Survey of Agricultural Produce and Agro-Based Industry Products Bulletin, Calender of Seasonal Fruits, Fact Sheet on Country Profile
7) Dissemination of information material concerning the agricultural sector through FAMA website, extract FAMA Market Information Division Facebook, E-mail, Facsimile Post and direct distribution as well as sales of Publications

Hasil terbitan pada tahun 2014
Publications in 2014

Penyelidikan Pasaran dan Jurnal

Sepanjang tahun 2014, unit Penyelidikan Pasaran dan Jurnal melaksanakan aktiviti seperti berikut:–

1) Menjalankan Kajian Penilaian *Outcome* Program Gerai Buah–Buahan Segar (GBBS)
2) Menjalankan Kajian Potensi Pasaran Keladi Cina
3) Menerbitkan *Journal of Agribusiness Marketing (JoAM)* dalam bentuk elektronik (*e–book*)
4) Mengeluarkan laporan berkaitan senario pertanian luar negara melalui *Commodity News*

Market Research and Journal

In 2014, Market Research and Journal Unit implemented the following activities:-

1) *Carried out Outcome Evaluation Study on Fresh Fruit Stalls (GBBS)*
2) *Carried out Market Potential Study on Chinese Yam*
3) *Publication of Journal of Agribusiness Marketing (JoAm) in electronic form (e-book)*
4) *Production of report on agricultural scenario in foreign countries through the Commodity News*

Sesi temubual pengunjung GBBS FAMA
Interview session with FAMA GBBS client

Sesi Temubual Pengusaha GBBS FAMA
Interview session with FAMA GBBS entrepreneur

Sesi temu bual responden
Interview session with respondent

PROMOSI DAN EKSPORT
PROMOTION AND EXPORT

Galakan Pasaran Dalam Negeri

Pada tahun 2014, sebanyak 18 program promosi dalam negeri telah dilaksanakan di seluruh Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti:-

1) Program *Kuala Lumpur Tower International Jump* Malaysia 2014 yang bertujuan untuk memperkenalkan buah-buahan tempatan kepada penerjun luar negara
2) Program Jom Makan Buah-buahan dengan kerjasama Putrajaya Holding yang diadakan di Taman Warisan Pertanian Putrajaya
3) Program Buah-buahan dan Produk Agromakanan peringkat Hotel di Langkawi
4) Program *Malaysia International Food & Beverage* (MIFB) 2014 di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC)
5) Program SMART KIDS 2014 di *Putra World Trade Centre* (PWTC)
6) Penganjuran Pesta Orkid & Flora di RTC Kelantan

Domestic Market Promotion

In 2014, a total of 18 domestic promotion programmes had been implemented throughout Malaysia. Among the activities that were carried out include:-

1) *Programme Kuala Lumpur Tower International Jump Malaysia 2014 to promote local fruits to international participants*
2) *Programme 'Come Let's Eat Local Fruits' with the cooperation of Putrajaya Holdings at Putrajaya Agricultural Heritage Park*
3) *Fruits and Agrofood Products at Hotels in Langkawi*
4) *Malaysia International Food & Beverage (MIFB) 2014 Programme at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*
5) *SMART KIDS 2014 Programme at the Putra World Trade Centre (PWTC)*
6) *Hosting of Orchid & Flora Fair at RTC Kelantan*

Program *KL Tower International Jump Malaysia 2014*
KL Tower International Jump Malaysia 2014 Programme

Program MIFB 2014 di *Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)*
MIFB 2014 Programme at Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

Program SMART Kids 2014 di *Putra World Trade Centre (PWTC)*
SMART Kids 2014 Programme at Putra World Trade Centre (PWTC)

Pesta Orkid dan Flora 2014
Orchid and Flora Fair 2014

Dalam usaha menyokong 'Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan" dikalangan kanak-kanak, satu Rancangan Animasi Upin dan Ipin dengan tajuk 'Hasil Tempatan' telah diterbitkan. Program ini telah mendapat sambutan ramai dan disiarkan melalui saluran TV9 dengan tiga episod. Penerbitan rancangan ini telah menjadikan Upin dan Ipin sebagai ikon untuk membawa mesej dalam mengalakkan kanak-kanak untuk makan buah-buahan tempatan.

In the effort to support the 'Eat More Local Fruits Campaign' among children, an animation programme featuring Upin and Ipin with the topic 'Local Produce' was produced. The programme received overwhelming response and three episodes were shown over TV9 Channel. The production of the programme has made Upin and Ipin an icon for the promotion of local fruit consumption among the children.

Pengiklanan turut dilakukan bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan daripada aspek pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan serta produk proses keluaran tempatan. Selain itu, promosi makan lebih buah-buahan tempatan dan sayur-sayuran di kalangan murid-murid sekolah juga diteruskan dalam usaha menggalakkan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan dalam diet harian kanak-kanak.

Galakan Pasaran Luar Negara

Sepanjang tahun 2014, FAMA terus memberi penekanan untuk meningkatkan penguasaan pasaran bagi produk agromakanan di pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan itu, FAMA telah menjalankan program-program di peringkat antarabangsa bertujuan untuk memperkukuhkan pasaran sedia ada di samping meneroka pasaran baru. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran pengguna antarabangsa terhadap produk agromakanan negara. Pasaran negara China kekal sebagai salah satu pasaran utama produk agromakanan negara dengan mengambil kira potensi tinggi produk agromakanan di negara tersebut.

Pada tahun 2014, sebanyak 20 aktiviti galakan pasaran luar negara telah dijalankan di 11 buah negara dengan penglibatan sebanyak 233 buah syarikat. Aktiviti ini melibatkan 576 SKU dengan potensi jualan sebanyak RM43.73 juta. Aktiviti pameran perdagangan telah dilaksanakan di beberapa negara seperti di Jepun, Korea, Australia, Brunai, China dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Promosi di pasaraya turut diadakan di tiga buah pasaraya terpilih seperti di Pasaraya Ole di Guangzhou, China, Lulu Hypermarket Al-Barsha di Dubai dan AEON Hypermarket di Makuhari Messe, Tokyo.

Advertising was done to raise awareness about the importance of consuming local fruits and vegetables as well as local processed products, from the health point of view. The promotion programme to increase consumption of more local fruits and vegetables among school children were continued with the aim of encouraging school children to consume local fruits and vegetables as part of their daily diet.

Overseas Market Promotion

Throughout 2014, FAMA had continued its efforts to increase market share of agrofood products in international markets. FAMA had carried out programmes at the international level to strenghen existing markets and exploring new markets. Various activities were carried out to raise consumer awareness of agrofood products of Malaysia in the international markets. China remained as one of the major market for Malaysia's agrofood products taking into consideration the huge potential China holds for the agrofood products of Malaysia.

In 2014, a total of 20 overses market promotion activities had been carried out in eleven countries involving 233 companies. The activity involved 576 Stock Keeping Units (SKU) with a sales potential of RM43.73 million. Trade exhibition activities were implemented in various countries namely Japan, Korea, Australia, Brunei, China and the United Arab Emirates (UAE). Promotion in supermarkets were held at three selected supermarkets namely Ole Supermarket in Guangzhou, China; Lulu Hypermarket Al Barsha in Dubai; and AEON Hypermarket in Makuhari Messe, Tokyo.

Perbincangan dengan pengunjung semasa Program Foodex 2014 di Jepun
Trade Enquiry at Foodex 2014 in Japan

Booth FAMA sempena *World Food Expo 2014* di Korea Selatan
FAMA Booth at World Food Expo 2014 in South Korea

FAMA turut meneruskan konsep kolaborasi pintar bersama Kedutaan/Agensi/Kementerian lain yang merupakan salah satu cara yang amat berkesan untuk memperkukuhkan pasaran tradisional dan menembusi pasaran baru di luar negara. Liputan meluas yang diberikan oleh pihak media juga membantu meningkatkan kesedaran pengguna kepada program yang diatur. Melihat kepada potensi untuk mengembangkan pasaran menerusi kaedah ini, lapan aktiviti telah dilaksanakan melibatkan pelbagai agensi di beberapa negara antaranya di Hong Kong, Jepun, Singapura dan Korea.

Pada tahun 2014, seramai 223 usahawan telah dibantu di bawah program FAMA di peringkat antarabangsa. Aktiviti penerbitan dan pengiklanan turut dijalankan menerusi penyediaan artikel mengenai buah-buahan segar Malaysia untuk dimuatkan ke dalam majalah ASWAQ dan EXPAT khusus untuk masyarakat di Timur Tengah.

Program Promosi Di China

Antara aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2014 adalah promosi produk berasaskan durian di Pasaraya OLE di Ghuangzhou dan program Malaysia Halal Food Festival 2014 di bandaraya Xi'an. Kesan daripada program promosi yang dijalankan menyebabkan *outlet-outlet* durian di Guangzhou dan Shenzhen menjadi tumpuan orang ramai.

FAMA had continued the concept of smart collaboration with Embassies/Agencies/Ministries as the best alternative in strengthening traditional markets and for exploring new markets overseas. The wide coverage by the media helped in increasing consumer awareness of the programmes that had been arranged. The potential in expanding the markets through smart collaboration was enormous and as such, eight activities were implemented involving various agencies in Hong Kong, Japan, Singapore and Korea.

In 2014, a total of 223 entrepreneurs had been given assistance under FAMA overses programme. Publication and advertising activities were pursued through writing of articles about fresh fruits of Malaysia in magazines such as ASWAQ and EXPAT specifically for the Middle East community.

Promotion Programme in China

Among the activities carried out in 2014 include the promotion of durian based products at OLE Supermarket in Ghuangzhou and Malaysia Halal Food Festival 2014 Programme in Xi'an City. As the result of the various promotion programmes implemented the durian retail outlets in Ghuangzhou and Shenzhen attracted a good number of customers.

Program Malaysia Halal Food Festival 2014 di bandaraya Xi'an telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia
Malaysia Halal Food Festival Programme 2014 in Xi'an City was officiated by YAB Prime Minister of Malaysia

Sambutan hebat pengunjung ke outlet Mallove di Shenzhen, China
Overwhelming response from visitors at the Mallove outlet in Shenzhen, China

Promosi produk berasaskan durian di Pasaraya Ole di Guangzhou, China
Promotion of Durian based products at Ole Supermarket in Ghuangzhou China

Permintaan pada tahun 2014 telah meningkat dari tahun sebelumnya dimana pada suku kedua tahun 2014, nilai eksport durian sejuk beku telah mencapai RM2.78 juta, dan dianggarkan akan mencapai RM5.56 juta pada akhir 2014.

Pembangunan Eksport

Pada tahun 2014, seramai 55 usahawan telah dibimbing berkaitan prosedur, produk dan negara berpotensi serta dokumentasi eksport. Di samping itu, FAMA juga melantik pengedar-pengedar di negara-negara berpotensi untuk membantu pengeksport hasil pertanian Malaysia dalam memasarkan produk mereka. FAMA telah menjalankan program promosi bersama pengedar di Vietnam TET *Consumer Fair, Winter Fancy Food Show* (Amerika Syarikat), *Best of Malaysia* (Jepun), *Gulfood* (Dubai) dan *Agriculture Marketing and Investment Mission* (AMIM) (Dubai). Melalui kerjasama ini, para pengedar akan dibantu dari segi mendapatkan pasaran eksport, meningkatkan kualiti pembungkusan dan pelabelan serta menawarkan harga yang berpatutan.

Sebanyak 16 hantaran telah berjaya dilakukan termasuklah hantaran ke Pejabat-pejabat Kedutaan Malaysia di luar negara, serta pameran-pameran promosi seperti di Hong Kong, Dubai, China, Amerika Syarikat dan Thailand.

The demand had increased in 2014 compared to the previous year, as the export value of frozen durian in the second quarter of 2014 had achieved RM2.78 million and was estimated to achieve RM5.56 million at the end of 2014.

Export Development

In 2014, a total of 55 entrepreneurs had been given guidance on matters pertaining to procedure, product, potential destinations and export documentations. At the same time FAMA had appointed distributors in potential countries to assist exporters of agriculture produce of Malaysia in marketing their products. FAMA had carried out promotion programmes jointly with the distributors in Vietnam TET Consumer Fair, Winter Fancy Food Show (USA), Best of Malaysia (Japan), Gulfood (Dubai) and Agriculture Marketing and Investment Mission (AMIM) (Dubai). The joint promotion with the distributors had resulted in capturing export markets, improving the quality of packaging and labeling as well as offering reasonable prices.

A total of 16 shipments had been successfully carried out including shipments to Malaysian Foreign Embassies and to promotional exhibitions such as in Hong Kong, Dubai, China, USA and Thailand.

Proses pengendalian produk untuk hantaran eksport
Handling process of the product for export

FAMA turut mengaturkan dua hantaran percubaan iaitu hantaran percubaan durian diproses minima ke Hong Kong dan hantaran percubaan manggis dan rambutan ke Singapura. Aktiviti ini bertujuan untuk menilai kualiti dan ketahanan produk serta penerimaan pasaran terhadap produk tersebut.

FAMA juga telah dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pemasaran dan Logistik bagi *Food & Agri Council for Export* (FACE). Antara tanggungjawab FAMA adalah:-

1) Menyalurkan input daripada industri kepada Jawatankuasa Induk FACE untuk merangka strategi eksport.
2) Membincangkan isu-isu pemasaran dan logistik yang dikemukakan oleh industri dan mencadangkan tindakan penyelesaian kepada Jawatankuasa Induk FACE.
3) Mengemukakan cadangan program tahunan promosi eksport untuk pelaksanaan berdasarkan bajet yang diluluskan.
4) Menyelaraskan dan melaksana program promosi dan galakan eksport untuk industri.
5) Mempertingkatkan penyebaran maklumat pasaran eksport melalui seminar, kursus dan latihan.

FAMA had arranged two trial shipments namely trial shipment of minimally processed durian to Hong Kong and trial shipment of mangosteen and rambutan to Singapore. The trial shipments were meant to evaluate the quality and durability of the product and market acceptance of such products.

FAMA was appointed member of the Logistics and Marketing Committee in the Food and & Agri Council for Export (FACE). Among its responsibilities are:-

1) *To channel information from the industry to the Main FACE Committee to develop export strategies.*
2) *To discuss issues on marketing and logistics submitted by the industry and propose possible actions and solutions to the Main FACE Committee.*
3) *To submit annual export promotion programme proposals to be implemented based on the approved budget.*
4) *To streamline and implement export promotion programmes for the industry.*
5) *To enhance the dissemination of export market information through seminars, courses and training.*

Mesyuarat Jawatankuasa Pemasaran dan Logistik
Marketing and Logistics Committee Meeting

Taklimat Delegasi dari luar negara
Briefing to foreign delegates

Bagi aktiviti percetakan pula, Cawangan Eksport telah menerbitkan poster "*Commercial Durian Clone*" dan "*Easy Recipe Book For Children*". Kedua-dua percetakan ini merupakan tambahan kepada percetakan versi Bahasa Malaysia sebelum ini.

For the publication activity, the Export Unit had published posters on 'Commercial Durian Clone' and 'Recipe Book for Children'. Both the publications were additional to the Bahasa Malaysia version published earlier.

Poster Komersil Durian Klon Malaysia
(Versi Bahasa Inggeris)
Poster Commercial Durian Clone
(English Version)





MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGURUSAN

INCREASING MANAGEMENT EFFECTIVENESS

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
STRATEGIC PLANNING DIVISION

Pada tahun 2014, Bahagian Perancangan Strategik telah terlibat dalam penyelarasan dan penyediaan kertas-kertas dasar penting dengan kerjasama daripada semua bahagian di FAMA dan jabatan/agensi MOA antaranya berkaitan *Agriculture Transformation Programme* (ATP); Dasar Agromakanan Negara (DAN); Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA); Jihad Memerangi Orang Tengah Bagi Subsektor Sayur dan Buah; Kertas Strategi *Technical Working Group* (TWG) Agromakanan bagi RMKe-11; Jaminan Bekalan Dan Pengedaran Agromakanan; "*Wide Lens*" dan Pengekalan FAMACorp Sebagai Anak Syarikat FAMA. Selain itu, bahagian ini juga telah memperoleh Pensijilan ISO MS : 9001 : 2008 *Quality Management Systems* yang telah dianugerahkan oleh pihak SIRIM pada 7 Julai 2014.

Cawangan Dasar

Pada tahun 2014, Cawangan Dasar telah melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA yang telah bersidang sebanyak tujuh kali dengan 41 Kertas Kerja, 14 Laporan Khas dan 119 perkara maklumbalas telah dibentangkan serta 140 fail dokumen mesyuarat untuk semua Ahli Lembaga telah disediakan dan diedarkan.

Selain daripada itu, Cawangan Dasar turut menguruskan penyediaan maklum balas mengikut kekerapan mesyuarat bagi tujuh mesyuarat utama diperingkat Kementerian dan FAMA iaitu Mesyuarat Jemaah Menteri; Mesyuarat Pasca Kabinet; Mesyuarat Pengurusan MOA; Mesyuarat Jawatankuasa Dasar; Mesyuarat Ketua Eksekutif Badan Berkanun; Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan MOA dan Mesyuarat Pengurusan Kanan FAMA. Jumlah terkumpul bagi tujuh mesyuarat utama ini pada tahun 2014 adalah 93 mesyuarat melibatkan penyediaan sebanyak 606 perkara maklum balas. Topik/isu hangat adalah berkaitan perkara-perkara berikut:-

i. Kos Sara Hidup;
ii. Jihad Memerangi Orang Tengah
iii. Jaminan Bekalan dan Pengedaran Agromakanan
iv. Agrobazaar Malaysia di Singapura
v. Portal agrobazaar.com
vi. Program Jimat Belanja Dapur;
vii. Eksport Durian beku ke China;
viii. 100 Agropreneur Muda.

Cawangan Dasar juga melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan dalam pengurusan soalan dan jawapan Parlimen berkaitan FAMA untuk tiga kali persidangan pada tahun 2014 melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang memerlukan 14 perkara jawapan Dewan Rakyat dan lapan perkara jawapan Dewan Negara. Di antara topik/isu utama adalah seperti berikut :-

In 2014, the Strategic Planning Division was involved in coordination and preparation of important policy papers with the cooperation of all the Divisions in FAMA as well as the departments/agencies of MOA. Among the papers were Agriculture Transformation Programme (ATP); National Agro Food Policy (NAP); Public Service Transformation Outline (KTPA); Fight Against Exploitation by Middlemen in the sub-sector Vegetables and Fruits; Strategy Paper Technical Working Group (TWG) Agrofood for the 11th Malaysia Plan; Guarantee Supplies and Distribution of Agrofood; "Wide Lens" and Retention of FAMA Corporation as a Subsidiary Company of FAMA. The Division had also obtained the ISO MS: 9001:2008 Quality Management Systems awarded by SIRIM on 7 Julai 2014.

Policy Department

In 2014, the Policy Department had provided secretarial services to FAMA Board Meetings which were held seven times where a total of 41 board papers, 14 special reports and 119 meeting feedbacks were presented as well as 140 meeting document files for the Board members were prepared and distributed.

The Department was also given the responsibility of preparing feedbacks for the seven main meetings at the Ministry and FAMA level namely the Cabinet Meeting, Post-Cabinet Meeting, Ministry Management Meeting, Policy Committee Meeting, Meeting of Chief Executives of Statutory Bodies, Ministry Development Action Committee Meeting and FAMA Senior Management Meeting. The total for the combined meetings in 2014 was 93 meetings involving the preparation of 606 feedback items. The hot topics/issues were pertaining to the following matters:-

i. Cost of Living
ii. Fight against Exploitation by Middlemen
iii. Guarantee Supplies and Distribution of Agrofood
iv. Agrobazaar Malaysia in Singapore
v. Portal agrobazaar.com
vi. Save Kitchen Expenses Programme
vii. Frozen Durian Exports to China
viii. 100 Young Entrepreneurs

The Policy Department had provided secretarial services for the coordination of Parliament questions and answers pertaining to FAMA for the three sittings of Parliament in 2014 involving both the House of Commons and the Senate. There were 14 questions from the House of Commons and eight questions from the Senate. Among the main topics/issues brought up were the following:-

i. Peranan FAMA dalam pemasaran agromakanan;
ii. Pasar Tani;
iii. Ladang Kontrak;
iv. Jihad Memerangi Orang Tengah Subsektor Sayur dan Buah;
v. Lambakan buah-buahan bermusim;
vi. FAMA membeli pada harga murah daripada petani dan menjual pada harga mahal kepada pengguna;
vii. Pusat Pengumpulan Ladang tidak berfungsi.

Selain itu, cawangan ini turut menyelaras pelaksanaan Lab Penyediaan Pelan Tindakan Terperinci Bagi Menangani Manipulasi Orang Tengah:Kluster Sayur-sayuran dan Buah-buahan melibatkan jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada 15 dan 16 Januari 2014 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. Susulan itu, Program Jihad Memerangi Orang Tengah Bagi Subsektor Sayur-sayuran dan Buah-buahan telah dilancarkan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 24 Mei 2014 di RTC Perak.

Di samping itu, satu sesi khas Percambahan Fikiran RMKe-11 bersama Ahli Lembaga Pengarah FAMA turut diadakan di Hotel Pullman, Kuching Sarawak pada 5 Disember 2014 untuk mendapatkan pandangan dan cadangan dalam penentuan projek/program serta halatuju FAMA.

Pada penghujung tahun 2014, Cawangan Dasar telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara (DAN) Peringkat FAMA pada 7 November 2014 untuk memberikan penerangan status semasa dan keperluan kajian kesesuaian mengambilkira perkembangan masa kini dan rancangan RMKe-11. Cawangan turut menghadiri tiga kali Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pelan Tindakan DAN yang diadakan diperingkat MOA dan menyediakan 12 laporan bulanan kepada pihak MOA bagi program/projek FAMA mengikut pelan tindakan DAN.

Selain itu, Cawangan Dasar terlibat secara langsung dengan kerjasama daripada bahagian-bahagian lain di FAMA dalam penyediaan kertas berkaitan Jaminan Bekalan dan Pengedaran Agromakanan; Pengekalan FAMACorp Sebagai Anak Syarikat FAMA; Kertas Strategi *Technical Working Group* (TWG) Agromakanan, bagi RMKe-11 dan 10 Mimpi KSU (*Wide Lens*).

i. The Role of FAMA in the Marketing of Agrofood;
ii. Farmers Market
iii. Contract Farming
iv. Fight against Exploitation by Middlemen Sub-Sector Vegetables and Fruits;
v. Seasonal Fruit Glut
vi. FAMA purchases at a low price from the farmers and sells at high prices to consumers;
vii. Non Functioning Farm Collection Centres

The Department was also responsible for the implementation of the Detail Action Plan Preparation for Handling Manipulation by Middlemen Cluster Vegetables and Fruits Lab involving departments/agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry held on 15 and 16 January 2014 at Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. As a follow-up action, the Fight Against Exploitation by Middlemen Programme was launched by YB Minister of Agriculture and Agro-Based Industry on 24 May 2014 at RTC Perak.

At the same time, a brainstorming session on 11th Malaysia Plan with Board Members was held at Hotel Pullman, Kuching Sarawak on 5 December 2014 to get their views and suggestions in formulating the programme/project as well as the direction of FAMA.

As at the end of 2014, the Policy Department has held the National Agro Food Policy (DAN) Coordination and Implementation Meeting at FAMA level on 7 November 2014 to explain the current status and need for feasibility study taking into account present developments and the 11th Malaysia Plan. The department had attended three meetings of the Coordination Action Committee on DAN which were held at the Ministry level. FAMA had prepared 12 monthly reports to the Ministry (MOA) pertaining to FAMA programmes /projects according to the DAN Action Plan.

The Policy Department was involved directly, with the cooperation of the other Divisions in FAMA in the preparation of papers concerning Guarantee Supplies and Distribution of Agrofood; Retention of FAMA Corp as a Susidiary Company of FAMA; Strategy paper Technical Working Group (TWG) Agrofood for the 11th Malaysia Plan and 10 Visions of KSU (Wide Lens).

Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA Tahun 2014 di ibu pejabat FAMA
FAMA Board of Directors Meeting in 2014 at FAMA Headquarters

Sesi *Brainstorming* RMK11 di Sarawak
Brainstorming Session on IIth Malaysia Plan held in Sarawak

Cawangan Perancangan Belanjawan

Peruntukan Pembangunan

Pada Tahun 2014, FAMA telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM14.25 juta melibatkan 23 projek. Perincian pengagihan peruntukan adalah seperti di **Jadual 30**.

Budget Planning Department

Development Allocation

*In 2014, a total of 23 projects had been approved with total allocation of RM14.25 million. Details of the allocation distribution shown in **Table 30.***

Jadual 30 : Peruntukan Pembangunan FAMA Tahun 2014
Table 30 : *Development Allocation for FAMA 2014*

BIL. *NO.*	PROJEK *PROJECT*	PERUNTUKAN TAHUN 2014 (RM JUTA) *ALLOCATION 2014 (RM MILLION)*	%
1.	Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Ke Pasar Tani (KUKUH) *Strenghtening Contract Farming Supplies to Pasar Tani (KUKUH)*	9.00	63
2.	Penyediaan Dan Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tani Dan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Seluruh Negara (14 Negeri) *Preparing and Strengthening Pasar Tani and Fresh Fruit Stall Retail Network throughout the Country (14 States)*	1.50	11
3.	Bimbingan Usahawan kepada Pematuhan Peraturan 3P (Pembungkusan, Pelabelan & Penggredan) *Entrepreneur's Guidance for Compliance of 3P Regulations (Packaging, Labeling, Grading)*	0.80	6
4.	Pembangunan Aktiviti Pusat Pengedaran Produk Agro Makanan SME di Setiap Negeri *Development of SME Agro Food Distribution Centre Activities in each State*	0.50	4
5.	Pengukuhan Pemasaran Dan Pembangunan Pusat Pengedaran Agromakanan Antarabangsa *Strengthening the Marketing and Development of International Agro Food Distribution Centre*	0.50	4
6.	Pembangunan Pemasaran Produk Tanaman Sedia Eksport *Development of Export Ready Commodity Crop Marketing*	0.50	4
7.	Penyediaan Luang Pemasaran Dan Khidmat Bimbingan Kepada Usahawan Mikro IAT *Providing Marketing Outlets and Guidance to Micro IAT Entrepreneurs*	0.50	4
8.	Pengukuhan Pengedar Agro Makanan Eksport *Strengthening the Agro Food Export Distributors*	0.40	3
9.	Latihan Berkaitan Kualiti Dan Keselamatan Kepada Pemasar *Training Marketers on Quality and Safety*	0.30	2
10.	Pembangunan Pemasaran Domestik Produk Burung Walit, Cendawan Dan Herba *Development of Domestic Marketing of Swiftlet Nest, Mushroom and Herbs*	0.25	2
	JUMLAH KESELURUHAN / *TOTAL*	**14.25**	**100**

Peruntukan Khas

a) Ucapan Bajet 2014

Pembentangan Bajet 2014 yang bertemakan "Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji", FAMA telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM15.5 juta. Peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk melaksanakan program-program yang membantu meningkatkan rantaian sektor pertanian. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh FAMA adalah seperti berikut:-

i. Pemudahcara untuk meningkatkan eksport produk pertanian tempatan.
ii. Memperkukuhkan dengan konsep dari ladang ke pasaran eksport.
iii. Memastikan harga berpatutan bagi produk makanan yang dapat memberi kemudahan kepada peniaga menjual secara langsung kepada pengguna.

Perincian mengikut program adalah seperti di **Jadual 31**.

Special Allocation

a) Budget Speech 2014

During the presentation of Budget 2014 with the theme "Strengthening Economic Resilience, Accelerating Transformation and Fulfilling Promises", FAMA was given additional allocation amounting to RM15.5 million. The allocation was given for the implementation of programmes for improving the agriculture sector supply chain. Among the various initiatives implemented by FAMA were as follows:-

i. Facilitator to increase exports of local agricultural products.
ii. Strengthening the concept of farm to export market.
iii. Ensuring resonable price for food products that would facilitate traders for direct sales to consumers.

*The details of allocation for the programmes as shown in **Table 31**.*

Jadual 31 : Agihan Peruntukan di bawah B11 Mengikut Program
Table 31 : Budget Allocation under B11 by Programme

PROGRAM *PROGRAMME*	AKTIVITI *ACTIVITY*	PERUNTUKAN (RM JUTA) *ALLOCATION (RM MILLION)*
Menubuhkan *Food dan Agro Council For Exporter* (FACE) *Establish a Food and Agro Council For Exporter (FACE)*	Pelaksanaan pengukuhan program luar negara *Implementation of Strengthening Overses Programme*	3.00
	Penubuhan Agrobazaar Singapura *Establishment of Agrobazaar Singapore*	6.50
	Meningkatkan kemudahan rangkaian sejuk bagi tujuan pengeksportan (bilik sejuk dan lori sejuk) *Improving cold chain facilities for export purposes (cold rooms and cold trucks)*	2.00
Pembangunan *Outlet* Pasaran *Market Outlet Development*	60 Pasar Tani *60 Pasar Tani*	1.50
	50 Karavan Tani *50 Agri Caravans*	0.50
	100 GBBS *100 Fresh Fruit Stalls*	1.00
	30 Agrobazaar Kedai Rakyat *30 Agrobazaar Kedai Rakyat*	1.00
	JUMLAH / *TOTAL*	**15.50**

b) Stok Jualan (Simpanan Bekalan Makanan)

FAMA telah diberi peruntukan tambahan berjumlah RM8 juta, khusus untuk mewujudkan Stok Jualan (Simpanan Bekalan Makanan). Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh FAMA adalah seperti berikut:-

i. Pemilihan sembilan komoditi berdasarkan kepada kuantiti penggunaan yang paling banyak, sangat sensitif pada perubahan bekalan, mempunyai alternatif untuk import dan boleh disimpan.
ii. Kaedah perolehan Stok Jualan (Simpanan Bekalan Makanan) adalah daripada petani serta mengimport dari luar negara untuk dijual terus kepada Pasar Tani di seluruh negara.

b) Sales Stock (Food Stockpile)

FAMA was given an additional allocation of RM8 million for the specific purpose of establishing Sales Stock (Food Stockpile). Among the steps taken by FAMA are as follows:-

i. Selection of nine commodities based on, highest consumption, most sensitive to supply fluctuations, have the alternative to import and can be stored.
ii. The procurement for the Sales Stock (Food Stockpile) is from farmers as well as importers for sales direct to Pasar Tani throughout Malaysia.

c) Jaminan Bekalan dan pengedaran Agromakanan

FAMA juga telah diberi peruntukan tambahan berjumlah RM49 juta bagi memastikan jaminan bekalan dan pengedaran agromakanan negara yang lebih efisien. Perincian peruntukan adalah seperti di **Jadual 32**.

c) Guarantee Supplies and distribution of Agrofood

*FAMA was also given an additional allocation of RM49 million to Gurantee supplies and distribution of agrofood in a more efficient manner in the country. The details of the allocation are as in **Table 32**.*

Jadual 32 : Peruntukan Program Jaminan Bekalan dan Pengedaran Agromakanan
Table 32 : *Allocation for the Programme Guarantee Supplies and Distribution of Agrofood*

BIL. *NO.*	PROGRAM *PROGRAMME*	PERUNTUKAN (RM JUTA) *ALLOCATION (RM MILLION)*
1.	Program KUKUH *KUKUH Programme*	3.00
2.	Penambahbaikan Pusat Pengumpulan dan Pusat Pengedaran *Improvements of Collection Centres and Distribution Centres*	2.00
3.	Penaiktarafan kemudahan penyimpanan *Upgrading Storage Facilities*	2.00
4.	Penyediaan kemudahan pengangkutan *Provision of Transport Facilities*	1.00
"Benihnya dibeli di Pasar Tani Kuala Besut kira-kira empat tahun lalu dan kami ingat pokok ini mandul sehinggalah ia berbunga pada April lepas dan menghasilkan 15 biji buah," katanya semalam.

Katanya beliau hanya menyiram pokok berkenaan dengan air sisa makanan dan langsung tidak menduga mempelam tersebut yang ditanam di halaman rumah akan mengeluarkan buah sebesar itu.

Ahmad Tajuddin yang bertugas di JKR Kota Baharu, Kelantan, berkata setiap sebiji buah berukuran 30 hingga 35 sentimeter panjang.

Menurutnya rasa buah itu kurang manis berbanding dengan yang dijual di pasaran.

"Semalam saya mengadakan kenduri kahwin anak, ramai yang terpegun tengok buah itu.

"Ramai yang minta biji mempelam itu untuk diadakan benih selain ada yang mencadangkan saya buat kaedah 'kawin batang pokok' (tut), tapi saya tidak tahu cara melakukannya," kata Ahmad Tajuddin.-Bernama

Ahmad Tajuddin tersenyum apabila pokok mempelam ditanamnya empat tahun lalu menghasilkan buah yang luar biasa berat dan besarnya.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
NST 7/5/2014

KENYATAAN TAWARAN

...ah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputra Sahaja** yang ... dan berkelayakan serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan ...sinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)]** atau **PUKONSA** dalam Gred ... Pengkhususan yang berkaitan yang tersebut di bawah dan masih ...sebuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

	Harga Dokumen/ Tarikh Dokumen Dijual / Tempat Dijual / Tarikh & Tempat Tutup Tender	Syarat Pendaftaran	Lawatan Tapak/Taklimat
N ... AN ... AR & ... N ... DI ... AN ... N, ... AR ... AK ... U, ... R ... R- ... 4	**HARGA DOKUMEN** RM 550.00 **TARIKH JUALAN DOKUMEN** 10 Mac 2014 hingga 23 Mac 2014 **TEMPAT JUALAN DOKUMEN** Pejabat FAMA Negeri Sabah Lot 2, Jalan 1, KKIP Timur, Commercial Zone 2, Kota Kinabalu Industrial Zone (KKIP), 88450 Kota Kinabalu, Sabah **TARIKH TUTUP** 31 Mac 2014 (Isnin) Jam 12.00 tgh **LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER** Peti Tender Bilik Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru Batu Caves	**CIDB / PUKONSA** **PKK : Bumiputera** **GRED G5** **Kategori CE 21** **Dan** **Kategori B** Pengkhususan B04	**Tarikh & Masa :** 10 Mac 2014 (Isnin) 10.30 Pagi **Lokasi :** Tapak Pasar Tani (Pasar Tamu) Keningau, Sabah **Tel :** 088 – 225 741 / 742 Pejabat FAMA Negeri Sabah * **Lawatan tapak adalah diwajibkan**

... dan keterangan lanjut boleh diperolehi semasa waktu pejabat dan boleh dibeli di ... seperti yang tertera di atas. Pemende yang ingin memasuki tawaran di atas ...ertai taklimat dan lawatan tapak serta menyertakan bayaran pembelian dokumen ...g Pos/ **Kiriman Pos/Bank Draf (Cek syarikat sama sekali tidak dibenarkan)** ...ama **KETUA PENGARAH FAMA**. Bayaran pembelian dokumen ini tidak akan ...

... akan diklusukan kepada kontraktor yang memyertai taklimat dan lawatan tapak ...sebutkan di atas sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil ...d Perakuan Pendaftaran Kontraktor, CIDB, dan Sijil TARAF BUMIPUTERA serta ...jil tersebut. Dokumen Tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ...urat yang diliakri dan bertanda dengan tawaran kerja berkenaan di sebelah kiri ...

... hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Bilik Perkhidmatan ...at 1, Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran 1, Bandar Baru ...iatu Caves, Selangor Darul Ehsan** pada **31 Mac 2014 (Isnin) sebelum jam 12.00**

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan FAMA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender semudah.

Pasar Tani khas Ramadan lebih murah

Fama 28/6/14 SH (1)

Putrajaya: Sebanyak 35 pasar tani khas akan diwujudkan sepanjang Ramadan di seluruh negara, mulai esok yang menawarkan barangan pada harga antara 10 hingga 20 peratus lebih rendah berbanding pasar tani biasa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penurunan harga di Pasar Tani Khas Sepanjang Ramadan itu membabitkan 32 komoditi yang disasarkan di bawah program Jimat Ramadan di pasar tani, ...ma hingga 20 ...ripada harga ...tahunan itu ...pada rakyat ...an segar pada ...egerifuan ber...ormatif mema...ng beroperasi ...ual barang...

Harga lebih murah

"Begitu juga sayur yang dijual kira-kira RM1 lebih murah," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pasar Tani Pra-Ramadan Peringkat Kebangsaan 2014/1435H di Pasar Tani Putrajaya di Presint 2 di sini, semalam.

Pasar Tani Pra Ramadan itu berlangsung selama tiga hari bermula Khamis lalu di 231 lokasi seluruh negara dengan penselian bagi umat Islam mula berpuasa awal minggu depan.

Di Johor Bahru, sebanyak 1,315 permohonan pembiayaan Mikro-I Bazar Ramadan tanpa faedah daripada pada harga yang murah di bawah RM3.49 peratus sehingga Ramadan kita jual pada harga lebih murah lagi. Contohnya, harga ayam ialah RM7.50 atau RM7.50 sekilogram (di pasar tani biasa) tetapi di Pasar Tani Khas Sepanjang Ramadan, ia dijual pada harga RM7.

negeri ini diluluskan kerajaan negeri membabitkan peruntukan RM3.49 juta bagi membantu golongan itu memulakan perniagaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Johor, Md Jais Sardan, berkata peniaga perlu membayar balik sebanyak 50 peratus sebelum akhir bulan Syawal, manakala bakinya sebulan selepas itu.

Khemah siap dipasang

Sementara itu, tinjauan di beberapa lokasi yang dijadikan tapak bazar Ramadan di seluruh negara mendapati pihak penganjur sudah memasang khemah bagi memudahkan peniaga.

Di Kuala Terengganu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Roslee Daud, berkata perniagaan tidak hanya bertumpu di bazar Ramadan, tetapi juga di 118

Pasar Tani Pra-Ramadan Putrajaya, ...

KOSMO! AHAD 22 JUN 2014 — Semasa 7

MAHA 2014 sasar RM20 juta jualan

Kosmo 22/6/2014

MELAKA – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2014 yang akan diadakan pada November ini menyasarkan jualan sebanyak RM20 juta.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (**gambar**) berkata, pameran dwitahunan yang berlangsung selama 11 hari bermula 20 November ini di Serdang, Selangor juga dijangka bakal menggamit lima juta pengunjung.

"Pada MAHA 2012, jualan meneceah RM10 juta dengan pengunjung 3.3 juta, judi tahun ini sasaran kita lebih lebih besar.

"Selain itu, kita juga mengatur padanan perniagaan buat usahawan pertanian dan industri asas tani bukan sahaja dengan peniaga dalam negara malah dari luar negara," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Persasmian Karnival Pertanian dan Keusahawanan Sempena Road To MAHA, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan serta Minggu PKS Peringkat Negeri Melaka 2014 yang dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Beliau berkata, penganjuran MAHA merupakan platform terbaik kepada usahawan pertanian dan industri asas tani di negara ini menjual produk mereka dalam pasaran yang lebih luas.

Ujar Ismail Sabri lagi, pihaknya juga kini sedang giat membantu usahawan pertanian dan industri asas tani memasarkan produk mereka ke luar negara.

Insiatif terbaharu adalah penubuhan Agrobazar di Singapura yang dijangka siap sebelum akhir bulan ini.

Pada perkembangan berkaitan, Ismail Sabri memberitahu, pada September ini, kementerian akan mula membawa masuk produk halal yang dihasilkan usahawan di negara ini ke bandar Xi'an di China.

Sebuah pasar raya besar di bandar itu juga telah bersetuju untuk memasarkan 1,000 jenis produk usahawan Malaysia di sana, ujar Ismail Sabri. – Bernama

Karnival 'Road To Maha 2014' jangka tarik 20,000 pengunjung

Um 18/6/2014 Mesia

MELAKA 17 Jun - Karnival Pertanian dan Keusahawanan sempena *Road To Maha 2014* yang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat hingga Ahad ini di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini dijangka menarik seramai 20,000 pengunjung.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Usahawan negeri, Datuk Hasan Rahman berkata, karnival itu mampu menarik perhatian orang ramai kerana penganjuran tiga acara besar dalam satu karnival yang jarang-jarang dianjurkan oleh mana-mana pihak.

Menurutnya, selain penganjuran Karnival Pertanian dan Keusahawanan negeri, turut diadakan serentak ialah Hari Peladang, Penternak dan Nelayan serta Minggu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2014 peringkat negeri.

"Tiga acara besar dalam satu karnival kali ini adalah yang terbesar pernah diadakan di negeri ini kerana membabitkan usahawan, petani, peladang, penternak, nelayan dan hampir semua agensi berkaitan.

"Sebanyak 280 buah gerai terlibat sepanjang tiga hari karnival ini diadakan melibatkan 120 pempamer, 40 agensi kerajaan dan 120 usahawan dalam industri pertanian bakal memeriahkan karnival terbesar pernah diadakan ini," katanya dalam sidang akhbar di pejabat Pertanian negeri, Wisma Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Hasan berkata, karnival itu akan dimeriahkan dengan kehadiran Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan menghadiri jamuan rakyat sejurus Perdana Menteri merasmikan sambutan Hari Pekerja 2014 peringkat kebangsaan di MITC pada pagi Sabtu ini.

Menurutnya, orang ramai boleh datang beramai-ramai menghadiri jamuan rakyat yang akan diadakan berhampiran tapak karnival.

"Bagi memeriahkan karnival tersebut pihak penganjur mengadakan pelbagai aktiviti seperti pameran dan jualan, ceramah agama dan motivasi, pameran teknologi, pertandingan senamtari, *auto show*, sukan rakyat, pertandingan karaoke, persembahan artis popular dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, karnival itu akan dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron kira-kira pukul 3 petang selepas Perdana Menteri merasmikan sambutan Hari Pekerja, Sabtu ini.

Jelasnya, sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri bertemakan 'Agroteknologi Pemangkin Pembangunan Agropreneur', sebanyak 13 anugerah akan disampaikan hari pembukaan karnival tersebut.

"Di samping itu, seramai 700 nelayan dari seluruh negeri ini akan menerima elaun sara hidup sebanyak RM200 seorang yang disampaikan pada hari perasmian," ujarnya.

Justeru, beliau meminta orang ramai datang beramai-ramai bagi memeriahkan karnival tersebut yang akan dibuka dari pukul 9 pagi hingga 10 malam.

HASAN Rahman (tengah) bersama pegawai agensi pertanian menunjukkan Anugerah *Road To Maha 2014* yang akan dianugerahkan kepada peladang dan usahawan berjaya pada sambutan Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Melaka 2014 di Wisma Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam. – UTUSAN/AZLI AHAD

Landasan perluas eksport

■ FAMA buka Agrobazaar di

Oleh Buda Fazrunisyam
...com.my

...azaar Malaysia ...ngapura bukan ...membuka pe... ...uas untuk me... ...hubungan da... ...ah turut men... ...hubungan erat ...sian buda... ke ...ara. ...en... ...an ...ada ...oc... ...ha ...se (PKS) ...emasar... ...pertanian ber... ...ar negara. ...Menteri Datuk ...Razak berkata, ...grobazaar Ma... ...ngapura adalah ...mbil kira jum... ...lah kedatangan pelancong yang meningkat selain perkongsian budaya kulinari sama.

Katanya, Agrobazaar menempatkan pelbagai buah-buahan tropika seperti durian, rambutan, nanas, betik Hong Kong, longan, durian Belanda, manggis, jambu air dan tembikai susu.

"Buah-buahan ini tidak asing bagi penduduk Singapura kerana kedua dua negara berkongsi cita rasa sama dalam kulinari.

"Apa yang penting kewujudan Agrobazaar pertama di luar negara ini menjadi landasan untuk membawa buah-buahan tempatan dan produk PKS ke pasaran antarabangsa," katanya ketika merasmikan Agrobazaar Malaysia di Sultan Gate di sini, semalam.

Hadir sama Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri ... Datuk Seri Mo... ...Saed Keruak, ...Perladangan dan In... ...dusti Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri dan Menteri Pertanian Singapura Khaw Boon Wan.

Lebih 200 produk keluaran PKS termasuk di bawah ... bumbung Agromas mendapat ruang perniagaan yang eksklusif itu.

Bermula dengan cetusan idea Najib pada Bajet 2014, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dipertanggungjawab untuk merealisasikan penubuhan Agrobazaar pertama di luar negara.

Sementara itu, Lee dalam ucapannya berkata, beliau bangga apabila Malaysia memilih Singapura sebagai lokasi pertama Agrobazaar di luar negara.

Nilai eksport RM4 bilion b produk pertanian tahun lalu memperlihatkan ia mampu menjana ekonomi negara.

FAKTA
RM4 bilion eksport produk pertanian pada 2013

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

REPORT AND FINANCIAL STATEMENT OF FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY (FAMA) FOR THE YEAR ENDING 31 DECEMBER 2014

LAPORAN KEWANGAN
FINANCIAL REPORT

Pada tahun 2014 peruntukan geran tahunan mengurus yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk Lembaga berjumlah RM169,100,000 dan peruntukan pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM14,250,000.

Penyata Kewangan Lembaga berakhir pada 31 Disember 2014 menunjukkan jumlah pendapatan keseluruhan termasuk lain–lain pendapatan berjumlah RM321,656,289. Pendapatan ini dijana dari geran dan pendapatan pelbagai akaun mengurus RM173,387,203; geran tertunda yang dilunaskan termasuk lain–lain pemberian di akaun pembangunan RM34,106,725 dan hasil jualan, sewaan dan pendapatan pelbagai bagi akaun perniagaan sebanyak RM114,162,361.

Sepanjang tahun 2014, jumlah perbelanjaan keseluruhan Lembaga pula adalah RM311,125,115. Perbelanjaan ini terdiri daripada akaun mengurus RM167,075,527; pembangunan RM26,710,249 dan perniagaan RM117,339,339.

Pada akhir tahun kewangan Lembaga, penyata pendapatan menunjukkan lebihan atas pendapatan berjumlah RM10,378,536. Lebihan ini terdiri daripada lebihan Akaun Mengurus RM6,311,676; Akaun pembangunan RM7,396,476 dan kerugian atas pendapatan bagi Akaun Perniagaan RM3,329,616.

In 2014, the grant allocated to FAMA under the yearly operating budget as approved by the Ministry of Finance Malaysia was RM169,100,000 and the development budget allocation received by FAMA was RM14,250,000.

The Financial Statement of FAMA for the year ending 31 December 2014 showed the overall income of FAMA including income from other sources amounting to RM321,656,289. This income was generated from grants and miscellaneous incomes in the operating account amounting to RM173,387,203; amortized deferred grants including other allocations in the development account amounting to RM34,106,725; and revenue from sales, rentals and miscellaneous income of RM114,162,361 in the trading account.

In 2014, FAMA's total expenditure was RM311,125,115. This expenditure consists of RM167,075,527 from operating account; RM26,710,249 from development account and RM117,339,339 from trading.

At the end of FAMA financial year, the income statement showed a surplus over income amounting to RM10,378,536. The surplus consists of surplus in Operating Account of RM6,311,676; surplus in Development Account of RM7,396,476 and losses on income in the Trading Account of RM3,329,616.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 49). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti

dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

(LIM CHIN TEONG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
26 OGOS 2015

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH (AKAUN INDUK)

Kami **TAN SRI DATO' PADUKA HJ. BADRUDDIN B. AMIRULDIN** dan **DATO' AHMAD BIN ISHAK** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)** pada **31 Disember 2014** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

Nama : **TAN SRI DATO' PADUKA HJ. BADRUDDIN BIN AMIRULDIN**
Gelaran : Pengerusi
Tarikh : 21 AUG 2015

.....

Nama : **DATO' AHMAD BIN ISHAK**
Gelaran : Ketua Pengarah
Tarikh : 21 AUG 2015

Bertempat di Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

Saya, **MOHAMAD MUSTAHAPA BIN AWANG**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Bandar Baru Selayang, Selangor)
pada.....21 AUG 2015.....)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH
: B307
a: MOHANNA
A/L RENGASAMY

2A, JLN 2/8
BANDAR BARU SELAYANG,
68100 BATU CAVES,
SELANGOR

Lembaran Imbangan

Pada 31 Disember 2014

	NOTA	KUMPULAN 2014 RM	KUMPULAN 2013 RM	FAMA 2014 RM	FAMA 2013 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	452,564,203	443,257,746	449,922,846	442,731,953
PROJEK DALAM PELAKSANAAN	5	3,464,913	6,721,952	3,464,913	6,721,952
PINJAMAN KOMPUTER DAN KENDERAAN	6	864,843	1,054,861	864,843	1,054,861
PELABURAN DALAM SYKT. SUBSIDIARI	7	-	-	3,706,202	3,823,714
PELABURAN	8	176,380	176,380	-	-
PERBELANJAAN TERTUNDA	9	842,750	178,871	-	-
ASET SEMASA					
Stok Perniagaan	10	8,385,496	8,110,417	8,022,216	7,857,738
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	11	19,706,164	25,947,361	14,170,047	20,784,608
Penghutang Syarikat Subsidiari	12	-	-	1,676,364	2,396,065
Pinjaman Komputer dan Kenderaan	6	587,161	537,182	587,161	537,182
Bayaran Balik Cukai	13	49,067	55,843	-	-
Pelaburan Jangka Pendek	14	870,359	945,501	870,359	945,501
Bayaran Terdahulu dan Pertaruhan Bayaran	15	2,014,898	1,514,432	2,014,898	1,514,432
Simpanan Jangka Pendek	16	407,792,821	351,816,336	404,583,134	348,625,126
Wang di Bank dan Runcit	17	46,538,741	51,775,761	44,977,176	50,763,021
		485,944,707	440,702,833	476,901,355	433,423,673
TOLAK : LIABILITI SEMASA					
Pinjaman	18	401,584	754,571	-	-
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	19	110,278,699	122,820,212	105,183,611	119,578,396
Pendapatan Tertangguh	20	3,333,305	-	-	-
		114,013,588	123,574,783	105,183,611	119,578,396
		371,931,119	317,128,050	371,717,744	313,845,277
		829,844,208	**768,517,860**	**829,676,548**	**768,177,757**
DIBIAYAI OLEH :					
AKAUN-AKAUN TERKUMPUL					
Akaun Mengurus	21	92,533,214	86,221,538	92,533,214	86,221,538
Akaun Pembangunan	22	416,716,689	405,527,905	416,716,689	405,527,905
Akaun Perniagaan	23	65,277,617	61,768,192	65,277,617	61,768,192
Akaun Pasar Tani	24	3,361,591	2,042,837	3,361,591	2,042,837
Akaun Pinjaman Komputer		450,000	450,000	450,000	450,000
Akaun Pinjaman Kenderaan		2,500,000	2,500,000	2,500,000	2,500,000
		580,839,111	558,510,472	580,839,111	558,510,472
KEPENTINGAN MINORITI	30	336,332	340,103	-	-
EXCHANGE TRANSALATION RESERVE		(168,672)	-	-	-
DANA KHAS	31	248,837,437	209,662,480	248,837,437	209,662,480
INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA (PFI)	32	-	4,805	-	4,805
		829,844,208	**768,517,860**	**829,676,548**	**768,177,757**

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan * Federal Agricultural Marketing Authority

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

	NOTA	KUMPULAN 2014 RM	KUMPULAN 2013 RM	FAMA 2014 RM	FAMA 2013 RM
Pendapatan	25	304,194,887	283,264,828	293,413,610	271,439,957
Lain-lain Pendapatan	27	17,461,036	14,048,848	14,730,919	13,595,130
		321,655,923	297,313,676	308,144,529	285,035,087
Perbelanjaan	28	(311,242,627)	(290,474,582)	(297,648,481)	(276,226,257)
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai		10,413,296	6,839,094	10,496,048	8,808,830
Cukai	29	(18,731)	(11,069)	-	-
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai		10,394,565	6,828,025	10,496,048	8,808,830
Kepentingan Minoriti	30	(16,029)	50,560	-	-
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Tahun Semasa		10,378,536	6,878,585	10,496,048	8,808,830

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Penyata Perubahan Dana Terkumpul
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

KUMPULAN	NOTA	Akaun Mengurus RM	Akaun Pembangunan RM	Akaun Perniagaan RM	Akaun Pasar Tani RM	Akaun Pinjaman Komputer RM	Akaun Pinjaman Kenderaan RM	JUMLAH RM
Dana Terkumpul								
Pada 1 Januari 2013								
Seperti Yang Dilaporkan Dahulu		74,582,863	385,179,190	70,633,401	1,359,198	450,000	2,500,000	534,704,652
Pelarasan Tahun Lepas	36	-	-	28,414	-	-	-	28,414
Seperti Yang Dinyatakan Semula		74,582,863	385,179,190	70,661,815	1,359,198	450,000	2,500,000	534,733,066
Geran Pembangunan Semasa	26	-	39,091,253	-	-	-	-	39,091,253
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		11,638,675	5,477,300	(10,237,390)	-	-	-	6,878,585
Pelarasan		-	-	1,930,245	-	-	-	1,930,245
Pelarasan Modal Pusingan		-	-	(586,478)	683,639	-	-	97,161
Geran Pembangunan Dilunaskan	26	-	(24,219,838)	-	-	-	-	(24,219,838)
		11,638,675	20,348,715	(8,893,623)	683,639	-	-	23,777,406
Dana Terkumpul								
Pada 31 Disember 2013		86,221,538	405,527,905	61,768,192	2,042,837	450,000	2,500,000	558,510,472
Pelarasan Tahun Lepas	36	-	-	(584,450)	-	-	-	(584,450)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		86,221,538	405,527,905	61,183,742	2,042,837	450,000	2,500,000	557,926,022
Geran Pembangunan Semasa	26	-	31,055,060	-	-	-	-	31,055,060
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		6,311,676	7,396,476	(3,329,616)	-	-	-	10,378,536
Pelarasan		-	(1,470,000)	1,587,512	1,318,754	-	-	1,436,266
Perubahan Modal Pusingan		-	-	5,835,979	-	-	-	5,835,979
Geran Pembangunan Dilunaskan	26	-	(25,792,752)	-	-	-	-	(25,792,752)
		6,311,676	11,188,784	4,093,875	1,318,754	-	-	22,913,089
Dana Terkumpul								
Pada 31 Disember 2014		92,533,214	416,716,689	65,277,617	3,361,591	450,000	2,500,000	580,839,111

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan * Federal Agricultural Marketing Authority

Penyata Perubahan Dana Terkumpul

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

FAMA	NOTA	Akaun Mengurus RM	Akaun Pembangunan RM	Akaun Perniagaan RM	Akaun Pasar Tani RM	Akaun Pinjaman Komputer RM	Akaun Pinjaman Kenderaan RM	JUMLAH RM
Dana Terkumpul								
Pada 1 Januari 2013								
Seperti Yang Dilaporkan Dahulu		74,582,863	385,179,190	70,633,401	1,359,198	450,000	2,500,000	534,704,652
Pelarasan Tahun Lepas	36	-	-	28,414	-	-	-	28,414
Seperti Yang Dinyatakan Semula		74,582,863	385,179,190	70,661,815	1,359,198	450,000	2,500,000	534,733,066
Geran Pembangunan Semasa	26	-	39,091,253	-	-	-	-	39,091,253
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		11,638,675	5,477,300	(8,307,145)	-	-	-	8,808,830
Perubahan Modal Pusingan		-	-	(586,478)	683,639	-	-	97,161
Geran Pembangunan Dilunaskan	26	-	(24,219,838)	-	-	-	-	(24,219,838)
		11,638,675	20,348,715	(8,893,623)	683,639	-	-	23,777,406
Dana Terkumpul								
Pada 31 Disember 2013		86,221,538	405,527,905	61,768,192	2,042,837	450,000	2,500,000	558,510,472
Pelarasan Tahun Lepas	36	-	-	(584,450)	-	-	-	(584,450)
Seperti Yang Dinyatakan Semula		86,221,538	405,527,905	61,183,742	2,042,837	450,000	2,500,000	557,926,022
Geran Pembangunan Semasa	26	-	31,055,060	-	-	-	-	31,055,060
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun		6,311,676	7,396,476	(3,212,104)	-	-	-	10,496,048
Pindahan Wang Kepada/Daripada		-	(1,470,000)	1,470,000	-	-	-	-
Perubahan Modal Pusingan		-	-	5,835,979	1,318,754	-	-	7,154,733
Geran Pembangunan Dilunaskan	26	-	(25,792,752)	-	-	-	-	(25,792,752)
		6,311,676	11,188,784	4,093,875	1,318,754	-	-	22,913,089
Dana Terkumpul								
Pada 31 Disember 2014		92,533,214	416,716,689	65,277,617	3,361,591	450,000	2,500,000	580,839,111

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

	NOTA	KUMPULAN 2014 RM	KUMPULAN 2013 RM	FAMA 2014 RM	FAMA 2013 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Penerimaan Tunai Dari Pelanggan		355,702,786	403,123,158	340,967,818	387,610,877
Pembayaran Kepada Pembekal Dan Pekerja		(297,146,635)	(255,314,009)	(289,844,504)	(239,643,818)
Jumlah Tunai Dari Operasi		58,556,151	147,809,149	51,123,314	147,967,059
Bayaran Faedah		(190,228)	(55,598)	-	-
Bayaran Cukai Korporat		(11,955)	(5,389)	-	-
Jumlah Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi		58,353,968	147,748,162	51,123,314	147,967,059
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Projek Dalam Pelaksanaan		(482,341)	(2,768,270)	(482,341)	(2,768,270)
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan	A	(28,324,059)	(27,172,158)	(21,929,624)	(27,055,913)
Hasil Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		146,578	52,980	146,578	46,730
Pelaburan Anak Syarikat		(500,000)	-	(500,000)	-
Faedah Bank		12,506,711	11,881,875	12,402,841	11,799,662
Dividen dan Hasil Lain		2,181,520	2,166,974	2,181,520	1,795,468
Jumlah Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(14,471,591)	(16,461,138)	(8,181,026)	(16,182,323)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Tambahan Kumpulan Wang		7,154,733	97,161	7,154,733	97,161
Bayaran Dividen		(19,800)	(17,820)	-	-
Jumlah Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan		7,134,933	79,341	7,154,733	97,161
Penambahan / (Pengurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai		51,017,310	131,366,365	50,097,021	131,881,897
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		403,783,027	272,416,662	400,333,648	268,451,751
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	33	454,800,337	403,783,027	450,430,669	400,333,648

Nota A :

Belian Hartanah, Loji dan Peralatan Untuk Tahun				
Akaun Perniagaan	(339,394)	(138,489)	(339,394)	(138,489)
Akaun Mengurus	(4,967,078)	(1,685,382)	(4,967,078)	(1,685,382)
Akaun Pembangunan	(20,362,531)	(25,232,042)	(20,362,531)	(25,232,042)
Akaun FAMACO	(2,655,056)	(116,245)	-	-
Seperti Di Penyata Aliran Tunai	(28,324,059)	(27,172,158)	(25,669,003)	(27,055,913)

Nota-nota Yang Dilampirkan Merupakan Sebahagian Daripada Penyata Kewangan ini

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama FAMA sepanjang tahun kewangan adalah untuk menyelia, menyelaras, mengawalselia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian di Malaysia termasuk pengimportan dan pengeksportan keluaran pertanian, mengadakan kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran tersebut dan perkara-perkara bersangkutan dengannya. Kegiatan utama tersebut meliputi program-program berikut :

a. Penyediaan dan Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tani dan Gerai Buah - Buahan Segar.
b. Latihan Berkaitan Kualiti dan Keselamatan Kepada Pemasar.
c. Penyediaan Luang Pasaran dan Khidmat Bimbingan kepada Usahawan Mikro IAT.
d. Membangunkan Pusat Pengedaran Produk Agro Makanan SME .
e. Pengukuhan Pemasaran dan Pembangunan Pusat Pengedaran Produk Agromakanan Antarabangsa.
f. Pengukuhan Pengedaran Agro Makanan Eksport.
g. Pembangunan Pemasaran Domestik Produk Burung Walit, Cendawan dan Herba.
h. Pembangunan Pemasaran Produk Tanaman Sedia Eksport.
i. Bimbingan Usahawan Kepada Pematuhan Peraturan 3P.
j. Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak ke Pasar Tani (KUKUH)

Kegiatan utama syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah memasarkan produk keluaran hasil-hasil pertanian, mengeksport buah-buahan, peruncitan barangan makanan proses dan produk pengguna, pengeluaran produk berasaskan kopi serta mengimport dan mengedar kobis.

Penyata Kewangan FAMA yang telah diaudit telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah FAMA Bilangan 3/2015 yang bertarikh 21 Ogos 2015.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan ini adalah mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

2.1 POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

Pihak Lembaga tiada struktur khusus dalam pengurusan risiko ke atas kewangan dan segala risiko dikendalikan oleh pengurusan atasan berdasarkan kesesuaian kes.

Polisi-polisi yang berkaitan aktiviti kewangan adalah seperti berikut :

2.1.1 Risiko Kredit

Risiko Kredit adalah dikawal melalui prosedur kelulusan kredit, had dan pemantauan yang berterusan. Pihak pengurusan yakin bahawa tiada risiko kredit selain daripada jumlah kredit yang diluluskan dan dibenarkan untuk dikutip.

2.1.2 Risiko Kadar Faedah

Kumpulan dan FAMA tidak terdedah kepada risiko kadar faedah yang ketara.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

2.1 POLISI RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN (Sambungan)

2.1.3 Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Kumpulan dan FAMA mengamalkan pengurusan risiko kecairan dan aliran tunai yang berhemah dalam meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan berupaya menyediakan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja. Sebarang lebihan dana akan dilaburkan di dalam simpanan tetap di institusi kewangan berlesen pada kadar faedah yang sangat kompetitif.

2.1.4 Risiko Pasaran

FAMA tidak terdedah kepada risiko pasaran yang ketara kerana fungsinya yang bukan bertujuan keuntungan. Aktiviti syarikat subsidiari pula terdedah kepada risiko pasaran melalui persaingan dengan lain-lain syarikat yang menjalankan perniagaan yang sama.

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi perakaunan yang berikut diterima pakai oleh Lembaga dan ianya konsisten dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini.

3.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Lembaga telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata kewangan ini mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

3.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Lembaga dan syarikat subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Sebarang bentuk urusniaga di antara Lembaga dengan syarikat subsidiari dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga.

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan yang didiami dan dimiliki oleh Lembaga dan syarikat subsidiari, dinyata pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan penurunan nilai harta, kecuali tanah milik bebas.

Aset Lembaga yang dibeli RM1,000 ke bawah akan diiktiraf sebagai belanja dan yang bernilai RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Aset Tetap.

Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah pegangan kekal. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapuskira kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut :

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Alat dan Mesin	20%
Alatan Pejabat	20%
Bangunan	2.5%
Gerai	20%
Kandang Lembu/Kambing	20%
Kenderaan	20%
Kolam Ikan	50%
Pusat Pengumpulan Ladang (PPL)	10%
Tanah Pajakan	mengikut tempoh tahun pajakan
Tangki Minyak	7.5%

3.4 Penurunan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Lembaga menyemak nilai bawaan aset selain daripada inventori bagi menentukan sama ada terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin merosot. Sekiranya wujud petunjuk-petunjuk tersebut, kemerosotan nilai aset akan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan nilai yang boleh diperolehi semula. Nilai boleh diperolehi semula dianggar bagi setiap aset atau jika tidak boleh, bagi unit penghasilan tunai.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Sebarang kerugian rosotnilai dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebihan penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Peningkatan nilai berikutnya dalam jumlah boleh diperolehi semula aset dianggap sebagai penerbalikan kemerosotan terdahulu dan diiktiraf sehingga tahap nilai simpanan aset akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tidak ada kerugian kemerosotan telah diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan dengan serta-merta kecuali aset tersebut dinyatakan pada nilai penilaian. Jika kerugian rosotnilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, penerbalikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

Bagi tujuan perekodan pelupusan aset pula, keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan di antara anggaran perolehan bersih dan nilai buku aset dan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

3.5 Aset Tetap Berbentuk Kemudahan Asas

Mulai tahun 2010, semua pembelian aset Akaun Pembangunan diperakaunkan di dalam akaun yang sama selaras MASB 31. Pada tahun sebelum, aset tetap bagi projek-projek berbentuk kemudahan asas khusus bagi pemasaran pertanian yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pembangunan dipindah samada kepada Kumpulan Wang Mengurus atau/dan Kumpulan Wang Perniagaan apabila siap untuk beroperasi. Ini termasuk Bilik Sejuk, Pusat Pemasaran Hasil Pertanian dan Kenderaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.6 Stok

3.6.1 Stok dan stok makanan proses direkodkan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh direalis bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dahulu, keluar-dahulu pada tahun sebelum dan tahun semasa menggunakan kaedah kos purata selaras dengan perubahan sistem perakaunan semasa yang digunapakai di Lembaga.

3.6.2 Kuantiti stok akhir berdasarkan kepada pengiraan kuantiti stok fizikal yang sebenar.

3.7 Kos Pengeluaran

3.7.1 Kos pengeluaran makanan proses meliputi kos bahan mentah dan bahan campuran, kos buruh langsung dan kos overhead kilang.

3.7.2 Perbelanjaan yang melibatkan penggunaan bersama oleh kilang dan pentadbiran dan jualan, dibahagi mengikut kadar yang telah ditentukan oleh polisi Lembaga iaitu 75% kepada kos pengilangan dan 25% kepada kos pentadbiran dan jualan.

3.8 Pelaburan

3.8.1 Pelaburan Syarikat Subsidiari

Pelaburan tidak tersiarharga dinyatakan pada kos. Peruntukan rosotnilai dibuat apabila Ahli Lembaga Pengarah berpendapat terdapat pengurangan nilai yang kekal dalam pelaburan.

3.8.2 Pelaburan

Pelaburan tersiarharga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah

3.9 Penghutang Perniagaan dan Pelbagai

Merupakan hutang yang terhasil dari transaksi urusniaga yang biasa. Ianya tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh berbayar yang tetap.

3.10 Peruntukan Hutang Ragu

3.10.1 Penghutang Akaun Perniagaan

Peruntukan hutang ragu bagi penghutang Akaun Perniagaan dibuat secara am ke atas baki hutang yang melebihi 1 tahun pada kadar 100%.

3.10.2 Penghutang Pusat-pusat Memproses (PMMF)

Bagi penghutang Pusat-pusat Memproses, peruntukan hutang ragu dibuat secara khusus ke atas setiap penghutang mengikut kadar yang sama dengan penghutang Akaun Perniagaan di para 3.10.1 di atas.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

3.10.3 Penghutang Pendahuluan

Bagi penghutang pendahuluan ialah secara am ke atas semua baki hutang yang melebihi 121 hari pada kadar 75% dan bagi Penghutang Pendahuluan yang berusia 7 tahun, peruntukan hutang ragu adalah pada kadar 100%.

3.11 Pencukaian Dan Cukai Tertunda

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar atas keuntungan yang dicukai bagi tahun kewangan semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah termaktub pada tarikh lembaran imbangan.

Kadar cukai yang termaktub atau sebahagian besarnya telah termaktub pada tarikh lembaran imbangan digunakan bagi menentukan cukai tertunda.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara asas cukai dan nilai bawaan aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada tarikh lembaran imbangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan potongan sementara, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai terdapat untuk digunakan atas perbezaan potongan sementara, kerugian cukai belum diserap dan elaun modal belum diguna.

3.12 Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai

Amaun merupakan piutang yang terhasil dari transaksi urusniaga yang biasa. Ianya tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh berbayar yang tetap.

3.13 Pertaruhan Bayaran

Merupakan bayaran yang dibuat ke atas pertaruhan untuk sewaan, utiliti, tender dan lain-lain. Pertaruhan ini akan dikendalikan semula selepas tamat tempoh perjanjian.

3.14 Modal Pusat-pusat Memproses / Pusat Operasi

Modal pusat memproses/pusat operasi mengandungi perbelanjaan-perbelanjaan bagi menubuhkan pusat-pusat tersebut dan wang pusingan yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pembangunan. Ini termasuklah harga tanah, bangunan dan lain-lain aset seperti alatan pejabat, perabot dan kilang. Setelah siap, ianya dipindahkan kepada Pengurusan Kilang/Pusat Operasi sebagai modal untuk menjalankan operasinya. Kos langsung seperti kos pekerja, pentadbiran dan pengurusan kilang akan dibiayai oleh modal kerja dari Kumpulan Wang Perniagaan.

Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

